


ELEMEN-ELEMEN FEMINISME DALAM
NOVEL SALINA

MUHAMAD ALIFF NAIM BIN ABDUL HALIM

UNIVERSITI



MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2022



ELEMEN-ELEMEN FEMINISME DALAM NOVEL

SALINA

MUHAMAD ALIFF NAIM BIN ABDUL HALIM

C18A0131

TESIS DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN
UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FEBUARI 2022

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

NAM

Tandatangan

980918-01-5449

No. Kad Pengenalan

Tarikh: **2 Mac 2022**

Sudirman

Tandatangan

Nama Penyelia: **Sudirman Bin Kiffli**

Tarikh: **2 Mac 2022**

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Bersyukur kehadiran ilahi dengan limpah kurnianya, saya dapat menjayakan kajian saya ini dengan lancar sekali tanpa wujud sebarang gangguan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ingin saya zahir kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian saya ini secara langsung mahupun tidak langsung dalam sepanjang saya melakukan kajian ini. Pada peluang ini, saya berhajat untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah saya iaitu Encik Sudirman Bin Kiffli yang banyak memberikan tunjuk ajar serta bimbingan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga segala kerjasama dan jasa yang ditaburi ini dapat memberi manfaat kepada saya dan rakan-rakan yang lain.

Pada kesempatan ini juga, saya mahu merakamkan rasa syukur dan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya kerana telah mendorong serta memberi semangat kepada saya dalam melakukan kajian ini. Mereka telah banyak berkorban untuk saya demi memastikan kajian yang saya lakukan ini berjaya. Selain daripada itu, terima kasih juga kepada rakan-rakan saya kerana banyak memberi kata-kata semangat serta membantu saya dalam melakukan kajian ini. Segala jasa mereka amat saya hargai dan dikenang.

Akhir kalam saya, saya berharap kajian yang dilaksanakan oleh saya ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji-pengkaji lain dalam melaksanakan kajian mereka. Segala kekurangan daripada pihak saya amatlah dikesali. Saya harap kelemahan saya ini akan melonjakkan lagi semangat saya untuk melakukan kajian seterusnya.

Sekian, terima kasih.

MUHAMAD ALIFF NAIM BIN ABDUL HALIM

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2022/1443H

ISI KANDUNGAN

Bil	ISI KANDUNGAN	Halaman
	PENGHARGAAN	i
	ISI KANDUNGAN	ii
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
BAB 1: PENDAHULUAN		
1.1	Pengenalan	1
	1.1.1 Latar Belakang kajian	2
1.2	Permasalahan Kajian	3
1.3	Persoalan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Skop Kajian	4
1.6	Kepentingan Kajian	5
1.7	Penutup	5
BAB 2: TINJAUAN KAJIAN LEPAS		
2.0	Pengenalan	6
2.1	Sorotan Kajian Lepas	6
	2.1.1 Kajian Tentang Novel	6
	2.1.2 Kajian Teori Feminisme	8
	2.1.3 Kajian Tentang Novel Salina Dan Penulis	
	A. Samad Said	11
2.3	Kerangka Teori	14
2.4	Penutup	14
BAB 3: DEFINISI TEORI ATAU PENDEKATAN		
3.0	Pengenalan	16
3.1	Rekabentuk Kajian	17

3.2	Kaedah Kajian	18
	3.2.1 Kajian Kepustakaan	18
	3.2.2 Rujukan Teks Atau Dokumen	19
	3.2.3 Sumber Internet	19
3.4	Kerangka Konseptual	20
3.5	Teori	20
3.6	Penutup	23
BAB 4: ANALISIS KAJIAN		
4.1	Pengenalan	24
4.2	Elemen-Elemen Feminisme	25
	4.2.1 Feminsime Sosialogi	25
	4.2.2 Feminisme Liberal	28
	4.2.3 Feminisme Radikal	34
4.3	Menganalisis Elemen-Elemen Feminisme Dalam Novel Salina	37
	4.3.1 Feminisme Sosialogi	37
	4.3.1.1 Pendekatan Feminisme Sosialogi melalui Agenda Pembacaan	38
	4.3.1.2 Pendekatan Feminisme Sosialogi Pada Situasi Aktiviti Pembacaan.	41
	4.3.1.3 Pendekatan Feminisme Sosialogi berdasar Situasi dan Keadaan Pengarang	44
	4.3.2 Feminsime Radikal	46
	4.3.2.1 Pendekatan Feminisme Radikal melalui Aktiviti Pembacaan.	47
	4.3.2.2 Pendekatan Feminisme Radikal berdasar Situasi dan Keadaan Pengarang	49
4.4	Penutup	51
BAB 5: RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP		
5.1	Pengenalan	52

5.2	Rumusan	52
5.3	Cadangan	53
	5.3.1 Menerbitkan banyak buku-buku berasaskan kritikan Feminisme	54
	5.3.2 Membina filem-filem berasaskan feminisme.	55
	5.3.3 Memberikan penekanan awal kepada kanak-kanak tentang feminisme.	55
5.4	Penutup	56
BIBLIOGRAFI		57

ELEMEN-ELEMEN FEMINISME DALAM KARYA NOVEL *SALINA*

ABSTRAK

Satu penelitian terhadap teori feminisme dengan menghuraikan elemen-elemen feminisme berdasarkan teori feminisme mengikut karya Novel *Salina* sebagai panduan. Kajian ini dijalankan untuk mengisi dokumentasi secara bertulis demi menghuraikan elemen-elemen feminisme. Kajian ini menggunakan keadah kualitatif untuk memperoleh maklumat yang relevan dan efisien digunakan dalam menjalankan kajian ini dengan jayanya. Kajian ini merupakan kajian ilmiah yang menganalisis elemen-elemen feminisme dan menghuraikan elemen-elemen feminisme dalam karya novel *Salina*. Oleh itu, pengkaji telah membataskan kajian pengkaji terhadap elemen-elemen feminisme dengan merujuk kepada novel *Salina* sebagai rujukkan pengkaji. Dalam kajian ini pengkaji telah mengenalpasti bahawa terdapat beberapa elemen-elemen feminisme dalam novel *Salina*. Justeru hasil dapatan kajian pengkaji, pengkaji dapat merungkai beberapa elemen-elemen feminisme dengan mengaplikasikan teori feminisme sebagai panduan pengkaji.

Kata Kunci: Feminisme, Novel *Salina*, Elemen-Elemen, Teori Femenisme.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ELEMENTS OF FEMINISM IN THE WORK OF SALINA'S NOVEL

ABSTRACT

A study of the theory of feminism by describing the elements of feminism based on the theory of feminism according to the work of Salina's Novel as a guide. This study was conducted to fill in the written documentation in order to describe the elements of feminism. This study uses qualitative methods to obtain relevant information and is efficiently used in conducting this study successfully. This study is a scientific study that analyses the elements of feminism and describes the elements of feminism in the work of Salina's novel. Therefore, the researcher has limited the researcher's study to the elements of feminism by referring to Salina's novel as the researcher's reference. In this study the researcher has identified that there are several elements of feminism in Salina's novel. Thus, the results of the researcher's study, the researcher can dismantle some elements of feminism by applying the theory of feminism as a guide for researchers.

Keywords: Feminism, Salina Novel, Elements, Theory of Feminism.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Berdasarkan kamus bahasa Melayu, novel dapat diklasifikasikan sebagai suatu cerita yang berbentuk prosa yang biasanya panjang dan kompleks. Selain itu, novel ini dikarang melalui pengalaman manusia atau kelakuan sosial. Novel boleh dikatakan sebagai suatu usaha peniruan yang dilakukan oleh novelis untuk menghasilkan suatu karya. Dalam erti kata lain, segala yang ditulisnya dalam novel tersebut adalah dunia yang nyata atau juga dunia yang direka oleh beliau sendiri. Hal ini kerana para novelis ini mempunyai sikap yang suka berimajinasi dalam menghasilkan karya mereka. Mereka telah menginterpretasikan diri mereka ke dalam karya yang ditulis oleh beliau sendiri.

Menurut Nurgiyantoro (2005) telah berpendapat bahawa novel ini merupakan sebuah karya fiksi yang menawarkan sebuah dunia yang penuh fantasi dan imaginasi yang tinggi dalam sesebuah model kehidupan. Hal ini kerana pengarang sengaja melakukan sedemikian kerana bagi mereka dengan cara berimajinasi ini, mereka dapat berkarya dan mendapat idea yang melimpah-ruah serta cerita yang ditulis oleh mereka ini merupakan sebuah cerita yang nyata.

Secara amnya, novel merupakan sebuah buku yang dikarang khas oleh pengarang bagi meluahkan perasaan mereka serta mereka ingin menyampaikan mesej tertentu kepada pembaca serta masyarakat. Hal ini kerana mereka juga ada menyelitkan beberapa mesej supaya masyarakat di luar sana sedar akan sesuatu perkara sedang

berlaku. Setiap yang ditulis oleh mereka itu mempunyai makna yang tersirat serta makna yang tersurat bagi memastikan mesej yang cuba disampaikan oleh mereka sampai kepada hati pembaca.

1.1.1 Latar Belakang

Menurut Abdul Halim Ali & Ida Roziana Abdullah (2018) dalam artikelnya menyatakan bahawa wanita merupakan seorang insan yang paling istimewa dicipta oleh Allah SWT kerana mempunyai sifat wanita yang penuh dengan kelembutan, keayuan dan kesopanan. Hal ini telah menjadikan keistimewaan yang ada pada golongan wanita ini telah menjadikan mereka sebagai seorang insan yang umpama tiang dalam sesebuah institusi keluarga, masyarakat dan negara kerana wanita ini telah menjadi model dalam membentuk sesebuah generasi yang cemerlang.

Jika dilihat pada sudut perspektif agama islam, agama Islam telah mengangkat darjat wanita kepada kehormatan, kemajuan dan perlindungan. Hal ini kerana islam telah memberi perhatian yang sangat optimum dalam isu pembentukan jati diri wanita dari segi individu, rumah tangga dan sosial agar mereka menjadi wanita yang hebat dan layak dari segi individu, rumah tangga dan dalam masyarakat agar mereka menjadi wanita yang hebat dan layak menjadi khalifah di muka bumi ini. Kini kita semua dapat melihat apabila golongan wanita ini telah berani untuk ke hadapan dalam mengorak langkah mereka untuk menjadi golongan wanita yang berjaya dan mempunyai karier serta berkarisma.

Apakah itu Feminism? Berdasarkan kamus dewan, feminism merupakan satu gerakan yang atau ideologi yang mempraktikkan tentang keadilan wanita dalam menuntut hak mereka yang perlu sama seperti kaum lelaki. Selain itu, Feminisme

adalah satu kumpulan teori sosial, atau gerakan falsafah moral dan politik yang separuh daripadanya digalakan oleh pihak yang berkenaan dengan kebebasan wanita daripada mengabaikan golongan lelaki. Secara literalnya, gerakan Feminism ini adalah satu kepercayaan kepada kesaksamaan politik, ekonomi dan sosial antara lelaki dan perempuan. Feminism ini lebih tertumpu kepada sebuah gerakan yang dikendalikan oleh golongan wanita yang berlandaskan kepada keyakinan bahawa lelaki mahupun perempuan bukan menjadi faktor penghalang kepada seseorang dalam merangka identiti sosial serta hak sosio politik dan ekonomi seseorang terutama wanita.

Gerakan Feminism ini telah muncul sejak beberapa abad yang lalu, namun terdapat beberapa pandangan tokoh telah menyatakan bahawa gerakan ini muncul secara rasmi pada abad pertengahan 19 Masihi. Gerakan ini telah muncul secara perlahan-lahan dalam pelbagai bentuk lembaga dan organisasi. Mereka telah menggunakan pelbagai sumber atau method untuk mencapai tujuan asal mereka dalam memperjuangkan hak mereka.

1.2 Permasalahan Kajian

Sebelum pengkaji menjalankan kajian, pengkaji haruslah mencari masalah kajian yang ingin dirungkai dan diselesaikan oleh pengkaji. Hal ini kerana sekiranya pengkaji tidak melakukan pencarian masalah kajian, pengkaji tidak dapat melakukan kajian mereka dengan betul mengikut apa yang dikehendaki olehnya. Kewujudan permasalahan kajian ini telah membantu pengkaji untuk lebih teliti dalam merungkai serta mengupas isi-isi yang pengkaji kehendaki.

Dalam menjalankan kajian tentang Feminisme, pengkaji telah mengenal pasti beberapa masalah yang telah diperolehi oleh pengkaji. Hal ini kerana terdapat beberapa percanggahan pendapat oleh tokoh-tokoh yang sedia ada dalam menyatakan serta menghuraikan tentang feminisme ini. Sebagai contoh yang jelas adalah terdapat beberapa artikel yang ditulis tidak menyatakan elemen-elemen feminisme.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Secara umumnya, pengkaji telah mendapati bahawa karya feminisme ini kurang diberikan penekanan dan perhatian. Selain itu, terdapat batasan dalam menjalankan kajian feminisme ini.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Menyenaraikan elemen-elemen yang ada dalam feminisme.
- 2) Menganalisis elemen-elemen feminisme dalam novel salina.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian merupakan sebuah elemen utama bagi pengkaji dalam melaksanakan kajiannya dalam memastikan bahawa permasalahan yang dikaji oleh pengkaji tidak tersasar jauh. Hal ini kerana skop kajian ini mampu menjadi panduan kepada pengkaji sekiranya pengkaji merasa kurang selesa ketika membuat kajian. Berdasarkan kepada tajuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini, pengkaji telah menggunakan novel sebagai panduan dalam melaksanakan kajiannya. Hal ini kerana novel merupakan salah satu medium yang digunakan oleh golongan feminisme ini bagi menyebarkan ideologi mereka.

Pengkaji telah berpandukan kepada novel Salina kerana di dalam novel ini telah banyak menceritakan tentang feminisme.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini sangat penting untuk memberi pencerahan dan menyebarkan tentang kewujudan feminisme ini pada masa sekarang. Kepentingan kajian ini adalah:

- 1) Kajian ini dilakukan adalah untuk memberi kesedaran kepada kaum wanita tentang wujudnya gerakan yang memperjuangkan tentang hak mereka.
- 2) Kajian dilakukan untuk menghuraikan tentang fahaman dan niat perjuangan sebenar mereka.
- 3) Kajian ini dilakukan untuk memastikan gerakan mereka ini tidak terputus di tengah jalan.

1.7 PENUTUP

Secara kesimpulannya, kajian ini dilakukan bagi memberi satu nafas baharu kepada masyarakat di luar sana terutama golongan wanita yang sedang ditindas oleh golongan lelaki. Kewujudan kajian ini dapat memberi sedikit sebanyak ruang kepada golongan wanita bahawa mereka juga layak untuk mendapatkan tempat seperti mana golongan lelaki mendapatkannya. Selain daripada itu, setelah kajian ini dilaksanakan kita semua dapat mengetahui tentang perwatakan sebenar wanita yang diceritakan dalam novel Salina ini.

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.0 PENGENALAN

Sorotan kajian adalah rujukan secara kritikal dan sistematik mengenai maklumat yang terpilih dalam kepustakaan berkenaan topik atau fokus kepada soalan kajian penyelidik. Sorotan itu perlu menghurai, meringkaskan menganalisis, mensintesis, menilai dan menjelaskan kepustakaan yang terpilih. Pada sorotan kajian ini, pengkaji telah membincangkan tentang kajian-kajian mengenai teori feminisme, novel, dan novel *Salina*. Pada bab ini pengkaji akan memfokuskan kepada beberapa sumber untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang ingin dijalankan.

2.1 SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1.1 Kajian tentang novel

Kajian ini dijalankan oleh Jyh Wee Sew yang bertujuan untuk menilai semiotik dalam Novel Anwar Ridhwan. Kajian ini berasaskan kualiti sebuah buku ilmiah bahasa Melayu yang diterbitkan pada (2014). Pada kajian ini, beliau telah menggunakan kerangka ilmiah bertujuan untuk membahagikan penilaiannya kepada dua bahagian iaitu struktur dalaman dan penampilan luaran. Pada bahagian pertama beliau telah melihat kualiti kajian dan kepersisan aspek teori yang digunakan sebagai alat perbincangan manakala bahagian kedua adalah untuk memeriksa kualiti suntingan. Ketelitian dalam rujukan ilmiah adalah penampilan kesemua rujukan yang

digunakan ke dalam senarai bibliografi. Kualiti suntingan pula memberi maksud ketepatan dalam ejaan pada sesuatu bahasa. Seterusnya kualiti kajian dalam perbincangan ini merujuk kepada sebarang lanjutan pengetahuan daripada analisis buku yang mempunyai kesinambungan dengan hasil kajian yang sedia ada, atau memperbetul hasil kajian yang terkandung dalam soratan kajian. Keperisisan aspek teori dalam konteks pula merupakan kejelasan penulis dalam mengaitkan pandangannya dengan pemikiran baharu berdasarkan pemilihan pecahan tertentu mengikut mazhab pemikiran yang dipergunakan sebagai kerangka kajian. Mengikut kepada keempat-empat kajian ini, ia akan dijadikan sebagai kerangka kajian semiotik. Perhitungan ikon, simbol dan indeks dalam analisis novel-novel menunjukkan bahawa kajian semiotik dalam buku hanya mengemukakan istilah semiotik sebagai satu katalog penganalisan novel Melayu.

Kajian ini dijalankan oleh Rosnani Md Zain dengan berjudul fenomena sosial dalam novel Nenek karya *Razali Endun*. Kajian ini membicarakan keadaan sosial yang terdapat dalam novel Nenek karya *Razali Endun*. Novel ini adalah juara bagi pertandingan Hadiah Sastera Perdana 2014. Keadaan sosial merupakan satu pernyataan bagi manusia dan masyarakat yang tidak dapat dipisahkan daripada membicarakannya. Hal ini kerana masyarakat dan sastera telah menjalinkan satu hubungan yang erat. Novel Nenek ini telah dianggap sebagai satu medium yang menggambarkan keadaan politik sahaja. Objektif kajian ini adalah untuk mengklasifikasi dan menganalisis fenomena sosial yang terdapat dalam novel ini. Objektif kajian ini juga adalah untuk menjawab dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa novel Nenek hanya memaparkan fenomena politik sahaja. Hasil kajian mendapati artikel ini telah menceritakan tentang tatacara perhubungan dalam kekeluargaan, kemiskinan, masyarakat, dan pembangunan sosioekonomi

masyarakat. Setelah diteliti, keadaan sosial yang terdapat dalam novel Nenek ini merupakan suatu keadaan semasa. Oleh demikian itu, kajian ini telah memfokuskan kepada keadaan sosial mengikut kepada perspektif teori fakta sosial Emile Durkhiem.

Kajian seterusnya adalah kajian mengenai Gender dalam Sastera Melayu, hasil karya Ungku Maimunah Mohd. Tahir. Pada kajian ini, ia menceritakan serba sedikit berkenaan Gender dengan memberi sedikit makna gender. Konsep gender mula digunakan untuk menjelaskan tentang satu konstruk sosial (*the social construction*) berkenaan 'masculinity' dan 'femininity' di antara lelaki dan perempuan. Gender merujuk kepada perbezaan sosial dan perhubungan antara lelaki dan perempuan yang dapat diamati dan dipelajari, dan ia berbeza di antara masyarakat dan budaya, serta adakalanya mengalami perubahan mengikut masa. Menurut beliau, buku ini merupakan kajian terkini berhubung gender dalam sastera yang disajikan untuk manfaat pembaca, khususnya para pelajar, sarjana, peminat sastera dan pengkaji yang berminat dengan isu-isu gender di tanah air. Dalam buku yang ditulis oleh Ungku Maimunah ini telah menyatakan beberapa buah hasil karya orang lain untuk digabungkan sekali untuk bacaan orang ramai.

2.1.2 Kajian teori feminisme

Menurut Abdul Halim Ali, kajian yang dilakukan oleh beliau ini untuk menganalisis ciri-ciri perwatakan wanita Melayu Islam dalam novel Diari Seorang Jururawat karya Aminah Mokhtar yang berasaskan konsep feminisme Talbiah. Pada konsep feminisme talbiah ini telah menggabungkan dua perkara iaitu feminisme Elaine Showlter dan pemikiran wanita Yusuf al Qardhawi. Konsep talbiah ini telah

membawa erti menyerah diri secara mutlak kepada Allah SWT. Konsep Feminisme Talbiah pula adalah salah satu perkara yang memanfaatkan aspek tauhid sebagai elemen yang penting dalam mendasari perwatakan wanita Melayu Islam yang menyerah diri secara mutlak dalam segala aspek kehidupannya baik dari sudut luaran atau dalaman. Aspek luaran terdiri daripada personaliti, ketakwaan dan budaya, manakala aspek dalaman pula terdiri daripada psikologi serta kerohanian.

Soratan kajian yang kedua adalah mengenai Lukisan Kanvas Jaka Tarub Karya Wiyadi Dalam Kajian Feminisme Period Awal (*Early Feminism*). Hal ini kerana Jaka Tarub merupakan salah satu cerita rakyat yang berasal dari Jawa Tengah. Cerita rakyat ini menceritakan tentang seorang pemuda yang suka mengintip bidadari sehingga menjadikan bidadari itu seorang isteri. Pada umumnya, cerita rakyat mengisahkan tentang suatu kejadian di suatu tempat atau asal usul suatu tempat. Penggambaran cerita rakyat dikemas dalam susunan teks (uraian) berupa dongeng dan biasanya dilengkapi dengan ilustrasi. Penulis tertarik untuk mengkaji lebih jauh melalui pembacaan visual karya ini dengan menggunakan sudut pandang Feminisme Period Awal (*Early Feminism*) kerana cerita ini berkait dengan penggambaran tokoh tokohnya.

Seterusnya adalah kajian berkenaan perekrutan praktik hubungan masyarakat dalam kajian teori feminisme dan *velvet ghetto*. Salah satu pokok permasalahan yang ditemukan dalam pembelajaran mengenai gender adalah kesempitan peluang untuk kaum wanita memegang tampuk kepimpinan. Namun, fakta ini tidak semata-mata terjadi pada semua pelosok dunia hanya segelintir negara yang mengamalkan sistem ini. Tujuan dari artikel ini adalah untuk menganalisis permasalahan yang ada pada proses perekrutan praktik hubungan masyarakat dalam sudut pandang tokoh.

Bagi mencapai tujuan ini maka diadakan perbincangan mengenai kelompok posisi wanita yang terarah dengan mengambil sudut pandangan masyarakat yang terhasil daripada pemerhatian pengkaji serta pengumpulan maklumat. Data yang diperoleh telah dianalisis dari sudut pandang teori feminisme dan *velvet ghetto*. Berdasarkan isi kandungun yang diperolehi, maka terdapat dua kesimpulan yang dapat dirumuskan. Yang pertama adalah hak kesamarataan dalam mentadbir itu bergantung kepada kecerdikan intelektual mereka. Yang kedua adalah dari sudut pandangan pendidikan yang perolehi kaum lelaki dalam mendidik masyarakat adalah dengan lebih memilih perempuan untuk memikat hati mereka.

Kajian perempuan sasak dalam novel Sri Rinjani karya *Eva Nourma* melalui kajian feminisme ini berlatarkan kehidupan perempuan Sasak dan kemiskinan di Lombok. Novel ini memperlihatkan perjuangan perempuan Sasak dalam melakukan perubahan melalui pendidikan dan dalam bayang-bayang kekuasaan lelaki-lelaki. Penelitian ini bertujuan untuk mengetahui gambaran perempuan Sasak yang tergambar dalam novel Sri Rinjani karya Eva Nourma. Kaedah yang digunakan dalam penelitian ini adalah kaedah deskriptif analisis dengan pendekatan feminisme, terutama masalah gambaran atau identiti perempuan Sasak. Hasil penelitian ini menunjukkan bahwa gambaran perempuan Sasak ditampilkan sebagai sosok pribadi yang moderat, berpikiran terbuka, terdidik, mandiri, dan bertanggungjawab terhadap dirinya. Gambaran ini ditunjukkan untuk mengajak perempuan Sasak berubah seperti yang digambarkan tersebut. Tujuannya adalah untuk melakukan gerakan perubahan sosial di masyarakat Sasak.

Kajian selanjutnya adalah kajian mengenai Model Penelitian Kualitatif tentang Perempuan dalam Koridor Sosial Keagamaan karya Abdul Karim. Feminisme

menjadi salah satu alternatif model dalam melakukan penelitian kualitatif. Banyak persoalan yang sejatinya ketika didekati dengan kaca mata laki-laki maka terjadi penyelesaian yang tidak tepat bahkan dalam persoalan-persoalan tertentu menjadi bias gender. Sehingga rentetan terhadap ketidakadilan dan kesewenang-wenangan. Fokus penelitian ini sebenarnya terletak dalam perbezaan mendasar antara laki-laki dan perempuan serta akibat perbezaan tersebut dalam kehidupan sosial politik. Fokusnya berupaya membawa perbezaan tersebut ke dalam keterbukaan untuk menunjukkan posisi subordinat kaum perempuan dan untuk menjelaskan sistem ekonomi dan politik dunia yang dipandang diskriminasi terhadap kedudukan perempuan. Untuk itu feminisme menjadi salah satu pendekatan yang digunakan dalam penelitian kualitatif diharapkan mampu mengembalikan akar persoalan sosial, budaya, politik, ekonomi dan keagamaan untuk dijawab menjadi penyelesaian yang lebih feminisme di antara persoalan-persoalan yang beraroma hegemoni kaum wanita.

2.1.3 Kajian tentang Novel *Salina* Dan Penulis A. Samad Said

Kajian ini dijalankan oleh Abdul Halim Ali yang berjudul Proses Kreativiti A. Samad Said berasaskan Teori Teksdealisme. Kajian ini menjurus kepada proses memahami kreativiti Sasterawan Negara A. Samad Said berasaskan Teori Teksdealisme. Analisis dilakukan melalui kajian kepustakaan dan temu bual. Didapati proses kepengarangan A. Samad Said berada atas landasan yang sejajar dengan empat peringkat yang dicadangkan oleh Teori Teksdealisme, iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan ke peringkat individualiti. Proses kepengarangan beliau itu sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pengamalan beliau daripada hanya seorang anak sebuah keluarga yang menerima bahana

peperangan, kemudian menjadi seorang pendengar cerita lisan yang setia, pembaca buku yang tekal hinggalah menjadi novelis, penyair, cerpenis dan akhir ditabal sebagai Sasterawan Negara.

Kajian seterusnya dikarang oleh Asrul Azuan Mat Dehan dengan tajuk kajian adalah Teknik Retorik dalam Novel Salina Karya A. Samad Said. Retorik merupakan satu subbidang linguistik yang digunakan sebagai usaha yang efektif untuk menampilkan penggunaan bahasa yang berseni, indah, berkesan dan menekankan aspek kesantunan, keterampilan dan pengaplikasian bahasa baik dalam berkomunikasi sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan. Bidang penulisan kreatif dipilih sebagai skop kajian untuk membuktikan keberkesanan penggunaan retorik dalam penulisan kreatif yang mempunyai fungsi komunikasi secara langsung atau tidak langsung antara pengarang dengan pembaca. Kajian yang berbentuk deskriptif ini dijalankan berpandukan Teori Retorik Moden yang diasaskan oleh Enos dan Brown (1993). Kaedah analisis kandungan digunakan untuk memerikan teks secara tekstual dan kontekstual. Objektif utama kajian adalah untuk menghuraikan teknik retorik dan menganalisis kekerapan teknik retorik yang digunakan dalam novel Salina (1961) karya A. Samad Said. Elemen yang ditekankan dalam kajian ini ialah lima teknik retorik yang digunakan oleh A. Samad Said, iaitu teknik penceritaan, pendedahan, pemujukan, pemerian dan penerangan. Berdasarkan penganalisan kekerapan penggunaan teknik retorik, dapatan kajian menunjukkan bahawa retorik penceritaan paling banyak digunakan, iaitu sebanyak 33 kali. Retorik penerangan dan pemerian masing-masing sebanyak 30 kali dan 15 kali. Manakala retorik pendedahan digunakan sebanyak 14 kali. Retorik pemujukan paling sedikit digunakan, iaitu sebanyak lapan kali. Jelasnya, retorik merupakan elemen penting yang membantu pengarang menggunakan bahasa secara berkesan untuk mempengaruhi fikiran, sikap dan pendirian pembaca terhadap karya yang dihasilkan.

Kajian yang berikutnya adalah diglosia dalam salina dengan satu kajian sosiolinguistik karya Mohamad Zaki Abdul Halim. Kertas kerja ini akan meneliti kewujudan diglosia dalam dialog yang digarapkan oleh A.Samad Said melalui novel Salina. Analisis dijalankan bersandarkan sifat-sifat diglosia yang wujud berdasarkan Ferguson (1959) dan Fishman (1967). Pengukur ini adalah untuk memperlihatkan kewujudan diglosia dalam bentuk dwi/multibahasa. Analisis ini dideskripsi dalam bentuk kualitatif. Kaedah utamanya adalah mengumpul data diglosia daripada teks novel dan dihubungkan dengan faktor sosiolinguistik yang menentukan pemeringkatan diglosia. Dapatan mendapati terdapat diglosia rendah (L) yang wujud dalam beberapa pemeringkatan dan berlaku pertindihan fungsi. Terdapat juga diglosia rendah yang mencapai tahap tinggi (H) apabila berlaku pertembungan dua diglosia rendah yang dibezakan oleh faktor sosiolinguistik menjadikannya sebagai (HL).

Kajian lepas yang lain adalah Proses Kreatif A. Samad Said dalam menghasilkan Karya Kreatif dikaji oleh *Abdul Halim Ali*. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk memahami dan mengenal pasti tindakan-tindakan dalam proses kreatif A. Samad Said berasaskan model proses kreatif *Graham Wallas*. Kajian ini telah menggunakan beberapa keadah analisis deskriptif yang berpandukan data temu bual dan kepustakaan. Data dalam bentuk temu bual dan kepustakaan, pengkaji telah menghuraikan secara deskriptif dengan berlandaskan kepada empat bahagian perkembangan proses kreatif *Graham Wallas*. Pada dapatan kajian ini, pengkaji telah menjumpai lima bahagian perkembangan kreatif A. Samad Said, iaitu peringkat menemui diri, pencambahan, membina keperibadian, peringkat keunggulan dan pencarian diri,. Selain itu, kajian ini juga dapat menunjukkan koherensi gerak kerja kognitif A. Samad Said dengan karya yang dihasilkan berasaskan lima peringkat percambahan kreatifnya. Hasil kajian juga menunjukkan, ada beberapa gerak kognitifnya yang terkeluar daripada kerangka model

Wallas. Hasil kajian ini juga telah memaparkan, proses kreatif pengarang yang bertahap dengan gerak kognisinya dan bergerak secara tersusun. Sementara itu, aspek yang ada signifikasi agama khususnya berkait dengan niat pengarang tidak dapat dijelaskan dengan model ini. Berasaskan hasil daripada kajian ini, pengkaji mencadangkan satu penelitian lebih luas terhadap pengarang-pengarang lain penting dilakukan bagi merangka sebuah model proses kreatif berasaskan nilai-nilai Melayu dan Islam yang boleh dijadikan asas memahami proses kreatif pengarang muslim.

2.3 KERANGKAAN TEORI

Pengkaji telah menggunakan teori feminisme dalam mengaplikasikan kajiannya. Hal ini kerana tajuk yang diusulkan ini telah berkait rapat dengan teori feminisme yang menceritakan tentang gerakan wanita. Teori feminisme ini adalah sebuah gerakan perempuan yang menuntut hak kesamaan dengan kaum lelaki. Feminisme tidak berasal dari sebuah teori atau konsep yang bersandarkan kepada atas formula teori tunggal sahaja. Hal ini kerana, tidak ada tujuan pengertian secara spesifik atas pengaplikasian feminisme bagi seluruh perempuan di sepanjang masa. Perkara ini berlaku disebabkan oleh perubahan fahaman yang disebabkan oleh pandangan para feminis yang diambil melalui sejarahnya dan budaya serta persepsi yang berlaku dalam kalangan golongan wanita.

2.4 PENUTUP

Secara keseluruhannya, sorotan kajian lepas ini adalah satu bahan rujukkan serta bahan penyelidikan yang boleh digunapakai oleh pengkaji. Hal ini kerana sumber-sumber begini akan membantu pengkaji dalam percambahan idea serta dapat meningkatkan lagi

kualiti hasil kajiannya. Selain itu, berdasarkan sorotan kajian ini telah memberikan satu gambaran jelas atau jalan kepada pengkaji dalam melakukan kajiannya. Hal ini dapat dijelaskan kerana melalui sorotan kajian ini, pengkaji dapat mengumpulkan data-data yang ada dan melalui data berkenaan itu pengkaji dapat mempraktikkan data-data tersebut ke dalam kajiannya.

BAB 3

DEFINISI TEORI ATAU PENDEKATAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi merupakan antara bab yang terpenting dalam menjayakan sesuatu kajian penyelidikan. Metodologi ialah kaedah, jalan rentak, corak, teknik dan sistem. Metod bermaksud satu disiplin yang digunakan untuk melakukan kajian dalam memperoleh sesuatu tujuan tertentu. Metodologi kajian adalah merangkumi kaedah, cara dan pendekatan yang dijalankan lebih bersistematik dan perjalanan kajian lebih efektif dalam mencapai objektif kajian. Menurut Polit & Hungler (2004), metodologi ditakrifkan sebagai kaedah atau cara untuk memperoleh data, pembentukan data dan penganalisan data. Azhar (2006; 139), metodologi penyelidikan digunakan untuk memperoleh jawapan melalui penggunaan suatu langkah ilmiah yang sistematik dan saintifik. Kaedah metodologi yang digunakan pula memerlukan teknik yang teratur supaya dapat merangkumi kehendak ilmiah, kaedah saintifik dan mempunyai kualiti. Pada kaedah ini, para pengkaji akan melakukan beberapa kaedah bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian yang hendak dilakukan dengan terperinci mengikut cara serta keadah yang menepati syarat-syarat untuk melakukan kajian. Kaedah mehtodologi ini merupakan satu kaedah dan teknik yang diguna pakai dalam merekabentuk, mengumpul dan menganalisis data dan maklumat yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian dan menyelesaikan segala masalah kajian yang timbul dalam pemikiran

pengkaji. Pada bahagian metodologi kajian ini, kaedah dalam mengumpul data ini telah memainkan peranan yang penting bagi mendapatkan maklumat yang sahih serta lebih tepat dan terperinci. Kaedah ini harus dijalankan secara teratur dan terperinci supaya pengumpulan data dapat dilakukan dengan lancar tanpa wujud sebarang kesilapan dan percanggahan data. Kaedah ini digunakan supaya pengkaji lebih memahami lebih mendalam dan meluas mengenai tajuk kajian yang hendak dijalankan.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian menfokuskan kepada bentuk kajian yang diguna pakai dalam menghasilkan sesuatu kajian yang lengkap. Terdapat tiga bentuk kajian iaitu reka bentuk kualitatif, kuantitatif dan gabungan reka bentuk kualitatif dan kuantitatif yang dikenali sebagai 'mixed method'. Kerlinger (1970) menyatakan bahawa reka bentuk kajian merupakan satu cara pengumpulan dan pengolahan data yang diperoleh berdasarkan perancangan yang sistematik. Sabitha (2006), menyatakan bahawa reka bentuk kajian memainkan peranan yang dominan dengan memberi tafsiran berdasarkan penyelidikan dan garis panduan dalam penganalisan data dan maklumat kepada para penyelidik dalam penyelidikan. Pengkaji telah menggunakan pelbagai kaedah dalam mendapatkan dan mengumpulkan data mengenai kajian yang hendak dijalankan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam proses untuk mendapatkan maklumat. Pengkaji akan ke perpustakaan atau ke dewan pustaka dan bahasa untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi bagi mengumpulkan segala data. Hal ini dilakukan bagi memperoleh maklumat yang penting dan berguna supaya objektif kajian tercapai. Pengkaji percaya bahawa melalui kaedah ini pengkaji akan mendapat maklumat yang mencukupi untuk meneruskan kajiannya. Pengkaji juga akan melakukan proses penyemakmuran bersama orang yang lebih arif bagi memastikan maklumat yang diperolehi

adalah benar dan relevan. Pengkaji akan menganalisis setiap data dan maklumat yang diperolehi dengan sistematik dan terperinci.

3.2 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian ialah satu proses mengkaji kajian dengan menggunakan beberapa kaedah yang bersesuaian bagi menyempurnakan kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk memperoleh maklumat yang relevan dan efisien digunakan dalam menjalankan kajian ini dengan jayanya. Kaedah kajian kualitatif juga merupakan kajian yang menggunakan maklumat atau data yang bersifat kualitatif. Kaedah kualitatif bertujuan untuk mentafsir dan mengupas fenomena sosial yang berlaku dalam kehidupan manusia dan masyarakat. Kaedah kualitatif yang diguna pakai banyak menggunakan pendekatan induktif. Pendekatan induktif merujuk kepada satu proses pengumpulan data yang mengumpul pelbagai data melalui penganalisan teks-teks yang digunakan oleh pengkaji. Denzin & Lincoln (1994), menyatakan bahawa kaedah kualitatif menfokuskan pelbagai kaedah kepada penggunaan pendekatan semula jadi (*naturalistic*) bagi penyelidikan sesuatu kajian.

3.2.1 Kajian Kepustakaan

Sumber perpustakaan memainkan peranan penting dalam menjalankan kajian ini untuk mendapatkan maklumat tentang teori feminisme. Pengkaji telah membuat rujukan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk memperoleh serba sedikit maklumat yang berkaitan dengan teori feminisme, novel Salina dan beberapa kajian mengenai novel. Hasil karya dan rujukan,

pengkaji telah memperolehi maklumat yang relevan dengan tajuk kajian. Pengkaji juga telah membuat beberapa rujukan di perpustakaan (UMK) untuk mendapatkan maklumat mengenai sorotan kajian tajuk kajian pengkaji. Hal ini kerana perpustakaan (UMK) merupakan perpustakaan yang memudahkan pengkaji untuk mengakses maklumat. Pengkaji juga membuat rujukan di Perpustakaan Awam Segamat bagi mengakses maklumat mengenai tajuk kajian pengkaji.

3.2.2 Rujukan Teks Dan Dokumen

Pengkaji telah menggunakan rujukan teks dan dokumen sebagai salah satu kaedah kajian pengkaji. Hal ini kerana pengkaji telah menganalisis beberapa teks dan dokumen untuk mengenalpasti tentang teori yang digunakan oleh pengkaji. Pengkaji telah membuat satu penganalisan data untuk mengenalpasti tentang elemen-elemen feminisme yang ada dalam teori feminisme. Pelbagai teks dan dokumen yang digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat dalam menjalankan kajian ini.

3.2.3 Internet

Sumber internet merupakan salah satu kaedah alternatif yang memainkan peranan kepada para pengkaji menjalankan penyelidikan. Pengkaji membuat rujukan daripada laman sesawang untuk mendapatkan sumber para sarjana yang mengkaji kajian lepas iaitu sorotan kajian, artikel, jurnal yang berkaitan dengan skop kajian. Kesemuanya dicari melalui laman *Google Scholar*, *Researchgate*,

OpenAthens dan sebagainya. Internet juga dapat membantu dalam mendapatkan maksud sesuatu subtopik secara terperinci. Internet sangat membantu pengkaji dalam memperoleh maklumat dan menjalankan kajian yang ditetapkan dengan lancar.

3.4 KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual teori merupakan bentuk, format serta hala tuju bagi sesuatu kajian. Kerangka konseptual juga merupakan salah satu bentuk kerangka yang ringkas dan padat digunakan dalam penyelidikan kajian. Kerangka konseptual Teori merujuk kepada suatu konsep kepada para pengkaji atau penyelidik untuk mewujudkan dan mengaplikasikan konsep tersebut dalam penyelidikan yang ingin dibuat sebagai bukti atau sokongan. Hal ini demikian kerana pengkaji dapat menyelesaikan masalah yang didapati melalui permasalahan kajian.

3.5 TEORI

Teori yang digunakan pada kajian pengkaji kali ini adalah teori Feminisme. Teori feminisme ini merupakan sebuah teori yang menceritakan tentang perjuangan wanita dalam menuntut hak mereka dalam bidang sosial, ekonomi dan politik. Teori ini diasaskan oleh Elaine Showalter. Elaine Showalter ini merupakan seorang pengkritik yang memperjuangkan hak-hak perempuan, dan penulis pada masalah budaya dan sosial. Selain itu, beliau juga merupakan seorang pengkritik karya sastera di Amerika. Beliau sangat disegani disana kerana beliau memiliki pendidikan yang sangat dihormati. Beliau telah mengedit dan menulis banyak artikel dan buku yang berfokuskan

bermacam-macam mata pelajaran. Beliau telah mula mengarang dengan karya yang memperjuangkan hak-hak wanita dalam sastera dan kritikan sastera. Teori ini telah membentangkan beberapa gerakan ini memainkan peranan yang penting di barat secara umumnya kerana dengan perjuangan feminis, golongan perempuan di Barat telah dapat merasakan kesamarataan dan kemerdekaan yang sebelumnya dinafikan. Menurut Mary Astell (1666-1731), beliau telah mengungkapkan kemarahannya berkenaan hak yang tidak sama dengan mereka dengan berkata “Jika lelaki dilahirkan merdeka, mengapa semua perempuan dilahirkan sebagai hamba”. Ia sesuatu yang sebenarnya menggambarkan keadaan ketika itu di Eropah dan bukan di serata dunia dan pastinya bukan di dunia Islam. Di Eropah, perempuan tidak memiliki hak pemilikan harta sebagaimana lelaki, hak perundangan untuk perempuan yang dizalimi sangat terbatas manakala universiti di Eropah tidak membenarkan perempuan mendapatkan pendidikan. Namun begitu, hanya ketika Maria Theresadi Austria (memerintah 1740-1780) dan Catherine the Great di Rusia (memerintah 1762-1796) menjadi ratu maka masyarakat Barat baru membuka mata terhadap keupayaan kaum wanita. Sedemikian itu, teori, ideologi dan pemikiran feminisme, walaupun secara umumnya sering ditanggapi secara negatif oleh sebahagian masyarakat di alam Melayu, namun ianya tetap mempunyai nilai dan kepentingannya yang tersendiri, khususnya dalam konteks wacana, disiplin dan ilmu kritikan sastera. Dalam kajian sastera, pendekatan Feminisme bertujuan untuk memahami peranan, kedudukan dan keterlibatan wanita dalam kesusasteraan. Justeru itu, terdapat banyak jenis kritikan Feminisme, antaranya kritikan Feminis Psikoanalitik, kritikan Feminis Lesbian, kritikan Feminis ideologi, kritikan ginokritik, kritikan feminis ras dan kritikan feminis sosialisme. Cara dan kaedah memahami dan mendekati sesuatu persoalan wanita itu menjadi pendekatannya juga berbeza-beza. Tokoh-tokoh wanita seperti Amary Ellman, Ealine Showalter, Cixious, Julia Kristeva bangkit bagi menunjukkan bahawa wanita tidak lemah yang ditanggapi

oleh golongan lelaki dan mereka berusaha menampilkan dan menonjolkan kelebihan dan kehebatan feminisme sebagai mempunyai pesanan dan kedudukan yang sama dalam masyarakat. Selain itu, salah satu kritikan feminisme iaitu kritikan ginokritik yang diperkenalkan oleh Elaine Showalter pada tahun 1979. Kritikan ini menyusuri peranan wanita sebagai pembaca (*women as reader and consumer*) dan wanita sebagai penulis (*women as writer*). Ginokritik merupakan teori yang khusus dirangka untuk digunakan bagi menerangkan dan menganalisis karya-karya tentang wanita yang dihasilkan oleh wanita. Ginokritik merupakan teori yang memberi perhatian terhadap wanita sebagai pengarang yang berperanan untuk menyampaikan makna teks, persoalan sejarah, tema, genre dan struktur penulisan yang ditentukan sepenuhnya oleh wanita. Oleh itu, Penulis wanita harusnya memiliki suatu kerja bersistematik untuk mengemukakan imej-imej, perwatakan dan perjuangan yang boleh mencabar dan menentang serta merobohkan apa yang sudah dikonsepsikan oleh kaum lelaki sebelum ini. Teori ginokritik memberikan tumpuan kepada pengarang wanita sebagai entiti yang tersendiri, serta menekankan tentang hak dan kuasa pengalaman wanita. Berdasarkan teori feminisme ini yang jelas menerangkan mengenai hak wanita seiring dengan kajian yang dilakukan pada novel *harga sebuah maruah* yang merupakan salah satu novel yang mengangkat martabat wanita dengan mempamerkan watak utama yang menonjolkan aspek-aspek citra wanita di dalam novel tersebut. Justeru itu, dengan menggunakan teori feminisme ini ianya dapat mempamerkan lagi harapan dan hak yang dituntut menerusi watak utama iaitu Cah yang mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan yang ditempuhinya bagi merealisasikan matlamat yang mereka inginkan.

3.6 PENUTUP

Secara kesimpulannya, bab ini telah menjelaskan bahawa pengkaji telah menggunakan pelbagai kaedah dalam menjalankan kajiannya secara terperinci. Pengkaji telah menggunakan pelbagai medium dalam melaksanakan kajian ini untuk memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar. Dengan wujudnya pelbagai keadah kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini, pengkaji berharap bahawa pengkaji mampu untuk menyiapkan dan dapat memastikan bahawa kajian yang dilaksanakan itu mempunyai maklumat-maklumat yang tepat.

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan hasil dan dapatan berlandaskan kepada objektif kajian pengkaji. Kewujudan bahagian ini kerana disebabkan adalah untuk menambahkan dan memantapkan kajian yang sedia ada. Kajian ini memfokuskan kepada elemen-elemen yang ada dalam feminisme dan juga elemen-elemen Feminisme yang ada dalam novel Salina. Hal ini kerana terdapat beberapa permasalahan yang cuba dirungkaikan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji telah melakukan kajian dan analisis berdasarkan kajian pustakaan, kajian teks dan kajian artikel melalui tokoh.

Kajian Feminsme ini merupakan satu kajian mengenai gerakan yang memperjuangkan hak wanita. Hal ini kerana dalam golongan wanita ini dikatakan sering menjadi mangsa buli oleh golongan lelaki dan sering juga dipinggirkan daripada sebarang gerakan atau satu-satu pucuk pimpinan. Perkara ini telah membangkitkan rasa marah dan ketidakpuasan hati oleh kaum wanita kerana mereka telah dotindas dan tidak mendapat sebarang bentuk pembelaan. Hasil daripada beberapa kajian yang dilakukan oleh tokoh-tokoh, mereka mendapati bahawa para pejuang-pejuang feminsime ini telah banyak menghasilkan karya-karya yang membawa unsur dan matlamat perjuangan mereka.

Hasil kajian ini, pengkaji mendapati beberapa kajian lepas kurang menitikberatkan mengenai elemen-elemen feminisme. Tambah lagi, kajian-kajian sedia ada kurang

memberi dan menceritakan bagaimana terhasilnya elemen-elemen ini. Maka dengan itu, kajian ini telah mengambil novel Salina sebagai bahan rujukan untuk mengkaitkan dengan elemen feminisme ini. Novel Salina ini merupakan sebuah novel yang menceritakan tentang gerak-geri atau segala perihal mengenai wanita. Oleh itu, kajian ini akan menerusi sepenuhnya novel ini dan mengaplikasikan teori feminisme dalam kajian ini.

4.2 Elemen-elemen feminisme

4.2.1 Feminisme Sosiologi

Feminisme sosialis merupakan salah satu elemen feminisme yang berkembang sebagai satu cambahan ilmunan baharu bagi golongan wanita. Cabang ilmu ini digunakan dengan baik sekali untuk digunakan sebagai satu platform untuk menyebarkan ideologi mereka. Sebagai contoh, pada bidang lukisan, mereka telah melukis wanita sebagai satu objek dan subjek untuk menggambarkan sebagai pelaku dan mangsa yang mengetahuinya. Perkara telah dipengaruhi gerakan feminisme ini telah mendorong bidang sosiologi untuk memusatkan perhatian kepada masalah dalam hubungan jantina serta kehidupan wanita. Pengaruh feminisme sosiologi ini juga telah menjelaskan tentang kedudukan wanita dalam sistem politik dan dalam susur galur dan tanggungjawab dalam rumah tangga.

Feminisme sosiologi telah menyenaraikan enam ciri yang menjadikan teori ini dijadikan sebagai sandaran kepada gerakan feminisme. Yang pertama

adalah pengamalan teori sosiologi yang seharusnya berasaskan sosiologi ilmu yang mengiktiraf segala ilmu. Hal ini kerana dengan mengiktiraf ilmu kepada semua pihak, maka secara sosialnya masyarakat setempat dapat memanfaatkan ilmu yang cuba disampaikan oleh pejuang feminisme, dan mengiktiraf fungsi kuasa dalam mempengaruhi apa sahaja yang akan menjadi ilmu. Yang kedua pula adalah tentang sistem sosial. Perkara ini kerana sistem ini dilaksanakan oleh kelompok yang dominan atas dasar kepentingan mereka sendiri untuk kelompok yang menduduki bidang perkerjaan yang besar. Hal ini melihat satu yang dominan telah merampas serta mengawal kerja-kerja yang produktif daripada masyarakat terutama golongan wanita. Yang ketiga adalah tentang proses interaksi mikro dalam masyarakat yang membuat susunan kekuasaan dominasi kedudukan dalam sistem hierarki masyarakat. Yang keempat, keadaan sekeliling yang membawa kepada kesedaran bahawa wanita telah mencipta satu gerakan kesedaran yang menekankan ideologi patriarki dan pengalaman realiti wanita dalam kehidupan mereka. Yang kelima adalah apa yang dikatakan kepada wanita mungkin dapat diterapkan untuk semua orang yang ditundukan supaya sejajar dengan falsafah gerakan mereka. Akhir sekali, orang harus mempertanyakan tentang kegunaan setiap kategori yang dikembangkan oleh ilmu yang didominasi golongan lelaki, terutama kategori yang membahagikan antara sosiologi-mikro dan sosiologi-makro.

Feminisme sosiologi ini juga menekan kepada aspek jantina dan ekonomi dalam penindasan terhadap golongan perempuan. Hal ini kerana golongan perempuan ini telah dilihat sebagai penghuni kelas ekonomi dalam pandangan Marx atau dikenali sebagai "kelas seksual" sebagaimana yang dinyatakan

oleh Shulamith Firestone. Pada dasarnya wanita ini merupakan golongan pelayan yang sangat berharga dan bernilai ataupun sebagai seorang isteri yang tidak menerima sebarang bentuk upah atau nafkah. Feminisme sosialogi ini telah mula diperkenalkan pada tahun 1970-an lagi. Meskipun feminisme telah mendukung sosialogi, namun begitu feminisme sosialogi ini tidak berpuas hati dengan analisis Marx Engle yang tidak menegur atau mengambil berat tentang penindasan terhadap golongan wanita. Di sini juga terdapat sebuah fahaman yang mengaitkan dengan ideologi "Tak Ada Sosialisme tanpa wujudnya Pembebasan Perempuan, Tak Ada Pembebasan Perempuan Tanpa Sosialisme.

Di samping itu, perjuangan feminisme sosialogi ini juga dilakukan untuk menghapuskan sistem pemilikan mutlak. Hal ini kerana peraturan dahulu sebelum wujudnya gerakan feminisme ini telah menetapkan bahawa pemilikan harta diletakkan ke atas golongan lelaki sahaja. Kewujudan feminisme ini telah menghapuskan bahawa lelaki tidak lagi memiliki kuasa mutlak terhadap pemilikan harta dan pemilikan suami ke atas isteri seperti idea Marx yang berhasrat untuk menyatukan masyarakat tanpa wujudnya perbezaan kelas, dan jantina. Feminisme Sosialogi ini juga ada menyatakan bahawa sistem kapitalisme dan patriarki ini juga merupakan satu ideologi yang menyebabkan golongan wanita sering ditindas. Hal ini mula diketengahkan dalam dua bentuk teori iaitu teori sistem gandaan dan teori sistem menyatukan. Menurut teori sistem ganda ini memandang kepada persoalan penindasan kaum wanita.

4.2.2 Feminisme Liberal

Feminisme liberal telah lahir pada abad ke 18 yang dirumuskan oleh Mary Wollstonecraft pada tulisannya yang berjudul *A Vindication of the Right of Women* (1759-1799) dan abad 19 oleh John Stuart Mill dalam bukunya *Subjection of Women* dan Harriet Taylor Mills dalam bukunya *Enfranchisement of Women*, kemudian pada abad 20 Betty Friedan dalam *The Feminis Mistique* dan *The Second Stage*. Feminisme liberal ini telah berasaskan kepada pemikirannya konsep liberal yang menekankan bahawa wanita dan lelaki diciptakan sama dan mempunyai hak yang sama dalam sebarang kedudukan atau tindakan. Manusia sangat berbeza dengan haiwan kerana manusia mempunyai sifat pemikiran secara rasionalnya. Maka keupayaan rasional ini haruslah dimanfaatkan dengan sebaik mungkin untuk memastikan keputusan yang dilakukan itu juga sangat baik dan tidak menyakiti di antara mana-mana pihak.

Ideologi feminisme liberal ini menyatakan bahawa kaum liberal harus diutamakan daripada segala kebaikan yang dilakukan oleh mereka. Perkara ini kerana setiap individu telah diberikan kebebasan untuk memilih perkara yang baik atau yang buruk asalkan tidak menyusahkan orang lain. Liberalisme ini juga telah menekankan kepada masyarakat yang adil bahawa kita seharusnya memperagakan sifat yang baik demi menjadi contoh kepada orang lain. Dalam hal campur tangan Negara ke atas masyarakat sivil, Liberallis Klasik sangat berbeza dengan Liberallis Egalitarian.

Menurut Liberal Egalitarian, setiap orang yang telah berada di pusat pasaran terlebih dahulu mempunyai kelebihan material, sambungan atau bakat yang berbeza. Jika perbezaannya begitu besar maka sukar untuk mereka mengejanya. Disebabkan perkara ini, Negara haruslah mempunyai campur tangan dalam segala urusan secara positif kerana dapat memberi kesejahteraan kepada masyarakat setempat. Sebagai contoh yang boleh dilihat secara jelas adalah campur tangan dalam bidang hukuman. Hal ini kerana sesuatu hukuman itu dijatuhkan kepada pesalah haruslah dapat mengadili kepada dua-dua belah pihak supaya dapat mengharmonikan keadaan semula. Namun bagi feminisme liberal ini haruslah memfokuskan kepada keadilan ekonomi dan sistem politik berbanding dengan kebebasan sivil.

Bagi liberalis Klasik pula setiap individu seharusnya diberikan kesempatan untuk merasai keuntungan. Mereka akan menekan Negara untuk memberikan kepada mereka hak kebebasan sivil seperti hak memilih, hak berorganisasi dan hak pemilikan. Namun begitu, dalam hal campur tangan Negara ke atas hak individu itu, mestilah dibataskan supaya mereka tidak mengambil kesempatan terhadap ruang yang sedia ada.

Menurut feminisme liberal pada abad ke-18, pendidikan yang untuk kaum wanita cuba disampaikan oleh Mary Wollstonecraft pada bukunya yang berjudul *A Vindication of the Right of Women*. Hal ini kerana beliau menyedari bahawa golongan wanita ini sangat ketinggalan kerana disebabkan oleh dikurung di dalam rumah dan tidak dibenarkan berada di luar untuk bersama-sama kaum lelaki untuk mengurus pentadbiran atau apa-apa sahaja bentuk

aktiviti sosial dan ekonomi. Beliau juga menyatakan bahawa sekiranya golongan wanita ini diberikan kesempatan yang sama maka mereka juga dapat menunjukkan dan mengembangkan lagi bakat yang mereka ada secara optimal, asal golongan wanita ini diberikan pendidikan yang sama seperti golongan lelaki juga. Wollestone juga telah mengkritik novel yang dikarang oleh Jean Jackques Rosseau yang membezakan pendidikan lelaki dan perempuan. Hal ini kerana pendidikan lelaki terarah ilmu alamiah, dan ilmu sosial. Pendidikan ini diberikan kepada golongan lelaki kerana lelaki akan bertanggungjawab sebagai ketua keluarga manakala golongan wanita pula pendidikan mereka lebih terarah kepada ilmuan beremosi dimana mereka akan mempelajari puisi dan kesenian. Perkara ini disebabkan golongan wanita lebih terarah kepada proses keibuan. Penyelesaian yang cuba disampai oleh Wollestone adalah dengan memberi pendidikan yang sama kepada perempuan dan lelaki dengan mengajar ilmuan rasional sehingga golongan wanita ini mampu berdiri di atas kaki sendiri dan tidak mudah diperdaya oleh golongan lelaki.

Pada abad ke-19, J S Mill dan Harriet Tailor Mill telah bergabung dengan Wollestonecraft. Mereka telah menekankan kepentingan sifat rasionalis untuk wanita. J S Mill dan Harriet Tailor Mill lebih jauh menekankan agar persamaan perempuan dan lelaki kerana mereka beranggapan bahawa pendidikan sahaja tidak mencukupi untuk membuktikan golongan wanita mampu seiring dengan lelaki dalam mengukur kemampuan golongan wanita. Oleh itu, mereka berdua telah menekankan bahawa golongan wanita juga harus diberikan penekanan dalam bidang ekonomi dan hak sivil untuk menjamin mereka dapat berdaya saing dengan golongan lelaki. Pada sudut sumbangan

lain mereka juga telah menekankan kepentingan pendidikan dan perkongsian serta hak persamaan. Bagi Mill lebih menekankan kepada hak pendidikan dan manakala Taylor lebih kepada hak perkongsian. Mill telah mempersoalkan lagi tentang kelebihan lelaki, dengan alasan bahawa lelaki tidak lebih tinggi dari segi intelek daripada wanita. Pemikiran Mill juga menarik bahawa kebaikan yang melekat pada wanita sering merugikan wanita kerana wanita tidak boleh menjadi diri mereka sendiri, kerana mereka akan menjadi orang yang diinginkan oleh masyarakat.

Pada abad yang ke-20 telah terhasilnya sebuah buku karya Betty Frieden yang berjudul *The Feminis Mistique*. Setelah membandingkan buku yang sebelum ini yang ditulis oleh Wollestone, JS Mill dan Harriet Taylor tidak terkesan dengan radikal. Pada pandangan beliau, perempuan kelas tengah ini merupakan seorang suri rumah tangga yang merasa muram dan hampa kerana mereka menghabiskan waktu mereka untuk berbelanja, mencantikan diri sekadar untuk memuaskan nafsu suami mereka sahaja. Oleh itu, Betty telah menawarkan kepada mereka untuk kembali ke sekolah bagi melibatkan diri mereka semula ke dalam bidang ekonomi tanpa lari daripada tanggungjawab sebagai suri rumah tangga. Beliau beranggapan bahawa dengan berlaku penghijarah ini golongan wanita mampu melakukan kedua-duanya sekali tanpa meninggalkan tanggungjawab mereka. Setelah 20 tahun kemudian, terhasilnya buku kedua yang berjudul *The Second Stage* yang menerangkan tentang cara untuk menangani isu rumah tangga yang sangat sulit. Hal ini disebabkan oleh golongan wanita atau suri rumah tangga ini harus menangani perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan tanggungjawab mereka dalam institusi kekeluargaan mereka. Oleh itu, Betty telah

memberikan salah satu jalan penyelesaian untuk mereka semua iaitu perempuan melakukan beberapa gerakan bagi memberi kesedaran kepada setiap lapisan masyarakat supaya mereka mengetahui bahawa golongan wanita ini bukan untuk ditindas tetapi mampu bersaing secara sihat dengan golongan lelaki untuk berada dalam pasaran ekonomi.

Feminisme Liberal menginginkan golongan wanita ini bebas daripada sifat penindasan ke atas golongan mereka. Mereka berpendapat bahawa dalam kehidupan bermasyarakat golongan wanita ini seharusnya dikaitkan dengan sifat lemah lembut dan berkasih sayang seperti guru, jururawat, setiausaha, juruwang di bank dan lain-lain. Penentangan terhadap sikap stereotaip tersebut sangatlah baik dengan melalui bidang pendidikan androgenik. Hal ini kerana kedua-dua pascagen ini mempunyai demensi yang sama baik sama di rumah atau di sekolah dan lain-lain tempat. Dalam perkara ini setiap Negara wajib untuk bertanggungjawab untuk memastikan tidak wujudnya lagi diskriminasi terhadap golongan wanita seperti pencabulan seksual dan lain-lain bentuk penindasan. Feminisme liberal ini sangat penting dalam pergerakan feminisme kerana perjuangan ini adalah untuk mengangkat martabat wanita di Barat untuk mendapatkan hak persamaan dan mengelakkan diskriminasi dalam kalangan mereka.

MALAYSIA

KELANTAN

Kritik pada Feminis Liberal

Kritik pertama

Jean Bethke Elshtain dalam bukunya *A Political Theorist* telah mengkritik bahawa semua perempuan ingin menjadi seperti lelaki, dengan mengadaptasi sifat lelaki ke dalam diri mereka. Hal ini kerana mereka ingin mengutamakan sikap rasional dan tidak boleh menunjukkan sifat emosionalnya untuk mengurangi aktiviti penindasan terhadap diri mereka. Menurut Elshtain lagi, perempuan tidak boleh mengamalkan cara berfikir lelaki, tetapi golongan perempuan hanya dibenarkan untuk berfikir cara sendiri bagaimana untuk mempertahankan diri mereka. Lelaki mahupun perempuan seharusnya berfikir dengan cara baik bagi mengatasi serta mendapat kedamaian bersama baik lelaki mahupun perempuan. Perubahan ini tidak dapat dilaksanakan dengan hanya melalui kelompok-kelompok kecil. Hal ini kerana jika dalam kelompok-kelompok kecil maka perkara yang tidak mahukan akan berlaku seperti perpecahan perkauman. Padahal untuk melobi pemerintah harus melalui gerakan masa (komunal) untuk itu penting sekali adanya *committee organizer* yang bisa mengorganisasi masa.

Kritik ke dua

Dalam *Feminist Politics and Human Nature*, Alison Jaggar merumuskan kritikan kedua, sama seperti Elshtain Jaggar juga mengkritik feminis liberal itu. Bagi pendapat beliau wanita seharusnya mengamalkan nilai rasional dan autonomi terhadap lelaki. Menurut Jaggar, kita tidak dapat untuk menolak kekuasaan yang dimiliki oleh lelaki namun kedua-dua jantina ini haruslah berkerjasama untuk

mendapat satu pemerintahan di atas kuasa yang dikuasai oleh kedua-dua jantina ini. Jaggar juga telah mengkritik feminis leberal dimana beliau telah melihat wanita kepada satu sudut, padahal menurut Jaggar perempuan itu tidak satu ragam tetapi bermacam-macam ragam. Bagi menyelesaikan segala kesulitan ini hanya dengan melalui pendidikan sahaja. Hal ini kerana dengan pendidikan golongan wanita dapat mengukur kemampuan mereka untuk berada ditahap yang terbaik buat diri mereka.

Kritik ke tiga

Feminis Liberal telah menganalisis perempuan itu sama sahaja tiada apa yang dapat membezakan mereka. Perkara ini kerana perempuan bukan hanya perempuan kulit putih, heteroseksual dan kelas pertengahan, tetapi mereka daripada kelompok yang terpelajar, serta juga buruh, dan lain-lain da perbezaan suku/budaya, agama sehingga, penyebab ketertindasan perempuanpun juga tidak satu dan tentu strategi pemecahan masalah ataupun tidak bisa sama. Misalnya: perempuan kulit putih dari kelas menengah tentu berbeza dengan perempuan kulit hitam dari kelas bawah.

4.2.3 Feminisme Radikal

Feminisme radikal merupakan falsafah yang memberi penekanan tentang hak ketidaksamaan antara wanita dan lelaki, atau terarah kepada, peloporan bidang sosial perempuan oleh lelaki. Feminisme radikal telah melihat tentang hak keistimewaan, pembahagian dan kuasa terutamanya dalam bidang

seksual yang memberikan yang mendalam terhadap lelaki dan perempuan. Feminisme radikal telah membantah institusi sosial serta politik secara amnya kerana perkara ini telah terikat dengan keadaan semasa yang mana kedua-dua institusi ini telah terikat dengan satu perkara iaitu patriarki. Dengan itu, feminisme radikal berasa tidak senang duduk akibat pergerakan politik mengikut keadaan semasa, dan sebaliknya lebih berfokuskan kepada pertukarang budaya yang meninggalkan kesan terhadap patriarki dan sistem sosial berkenaan.

Feminis radikal terarah kepada militan dengan mempraktikan tindakan mereka bahawa radikal adalah ("mendapatkan akar") dari feminisme yang lain. Salah satu daripada feminisme radikal telah melakukan satu tindakan yang membawa maksud untuk mengecam patriarki, daripada menyusun atur semula segala bentuk sistem dalam sistem perundangan. Feminisme radikal telah membantah bagi menghapuskan Tindakan pembulian terhadap bidang kelas atau ekonomi seperti yang dilakukan feminisme sosialis. Pada bahagian ini, kita boleh melihat bahawa feminisme radikal ini telah menentang sistem patriarki. Hal ini kerana feminisme ini tidak berpuas hati dengan sistem yang dilaksanakan kerana mereka mendapati sistem tersebut adalah sebuah sistem yang membuatkan golongan wanita tidak mendapat hak yang sama rata. Oleh itu, mereka telah menubuhkan gerakan ini bertujuan untuk memastikan bahawa sistem patriarki ini dapat dilupuskan untuk memastikan kebajikan golongan perempuan terjaga.

Pucuk pemikiran Feminisme Radikal

Feminisme radikal ini telah berasaskan kepada suatu pergerakan radikal besar, apabila golongan perempuan telah menyertai dalam Kiri Baru tahun 1960-an, serta pergerakan politik anti-perang. Hal ini telah mengesan bahawa golongan wanita telah dipinggirkan daripada kuasa yang sama oleh lelaki pada gerakan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pendirian diantara kedua-dua ideologi berkenaan. Golongan wanita ini telah berpecah mengikut fahaman masing-masing demi memastikan cita-cita mereka itu dapat direalisasikan dengan mengikut kaedah feminisme radikal. Feminisme ini lebih kuat dan lebih meluas apabila mendapati golongan wanita ini berkerjasama dalam memastikan ideologi yang diperjuangkan mereka itu sampai dan dapat diteruskan. Di sini pengkaji dapat menyenaraikan beberapa tokoh feminisme radikal utama:

1. Ti-Grace Atkinson, Susan Brownmiller,
2. Phyllis Chester,
3. Susan Brownmiller, Corrine Grad Coleman,
4. Mary Daly ,
5. Corrine Grad Coleman
6. Andrea Dworkin ,
7. Robin Morgan ,
8. Monique Wittig.

Di sini kita dapat melihat bahawa terdapat ramai tokoh-tokoh yang memperjuangkan feminisme radikal ini. Kehadiran mereka semua telah membawa satu perubahan yang menarik dalam mereka menuntut hak mereka serta menginginkan untuk menghapuskan sistem yang boleh menyebabkan mereka boleh terabai.

4.3 Menganalisis elemen-elemen feminisme dalam novel salina.

4.3.1 Feminisme Sosiologi

Feminisme ini muncul di Barat pada awalnya sebagai sebuah pergerakan yang bertujuan untuk memperjuangkan hak-hak dan kesedaran untuk golongan wanita. Perjuangan wanita ini bagi menyelaraskan bahawa golongan wanita ini bukan untuk ditindas tetapi mereka juga mempunyai hak atau memerlukan layanan sama seperti kaum lelaki. Hal ini kerana mengikut kajian feminisme, golongan wanita ini lebih dikenali atau lebih mudah untuk dilihat dikelas bawahan sebagai hamba abdi dalam sistem kelas hidup sosial. Perkara ini berlaku kerana golongan wanita ini sering dianggap sebagai kaum yang lemah dan tidak mampu untuk berbuat apa-apa. Dengan itu kewujudan perjuangan feminisme ini telah membangkit satu kesedaran kepada semua golongan wanita bahawanya mereka selayak menerima kedudukan kelas sosial yang lebih tinggi berbanding tempat mereka duduk sekarang. Kewujudan feminisme sosiologi ini juga telah banyak mengubah dan membantu golongan wanita ini supaya lebih kehadapan demi memastikan golongan ini mendapat jaminan masa depan yang lebih menarik.

Namun begitu, feminisme sosialogi dalam bentuk karya sastera ini sangat menarik kerana kita dapat menyelami isi pemikiran pengarang. Hal ini kerana melalui karangan beliau kita dapat memahami perkara yang ingin disampaikan oleh pengarang. Maka dengan kita tidak boleh menyangkalnya kerana segala isi yang diluahkan oleh pengarang ini memungkin itu pengalaman lepas yang dilalui olehnya. Dengan itu, pelbagai pendekatan feminisme sosialogi yang dijumpai melalui Novel Salina.

4.3.1.1 Pendekatan Feminisme Sosialogi melalui Agenda Pembacaan

Pembacaan karya sastera telah dijustifikasikan sebagai sebuah aktiviti yang memberi rangsangan terhadap seseorang. Pada pandangan tokoh karya sastera ini mempunyai nilai estetika yang bermutu tinggi demi memberi panduan kepada semua masyarakat. Hal ini kerana dalam sesebuah karya sastera ini mempunyai pelbagai faktor yang membolehkan sesebuah maklumat atau agenda yang ingin disampaikan itu diterima ramai. Dalam pembacaan yang berteraskan feminisme, kita dapat melihat bahawa penulis sering menekankan tentang percanggahan antara bidang sosial lelaki dan wanita. Oleh sebab itu, pengaitan karya sastera melalui konteks sosial ini sering mendapat tempat kerana peperangan watak dalam karya sastera ini sangat menarik perhatian semua orang. Melalui novel Salina ini, pengkaji mengenalpasti bahawa pengarang telah menyampai bahawa terdapat perbezaan kelas sosial diantara lelaki dan wanita. Hal ini menjadikan pembaca lebih tertarik dengan reaksi dan perkembangan plot twist yang diketengahkan oleh pengarang.

Berdasarkan novel ini, perbezaan kelas sosial yang dapat digambarkan melalui bahagian pendidikan. Hal ini kerana pengarang menyatakan bahawa seorang gadis yang bernama Nahidah yang berumur dalam lingkungan lima belas tahun. Beliau tiada diberikan satu pendidikan yang baik kerana kekangan hidup yang dihadapi oleh keluarganya itu menyebabkan dia tidak dapat hadir ke sekolah. Hal ini lebih menampakkan berbezaan ketara apabila seorang lagi watak iaitu Abang Nahidah itu sendiri telah dihantar ke sekolah sehingga tamat pengajian.

“Hah itulah abang saya. Kasihan, dia dah lama abis sekolah.”

Novel Salina: Bab 2, M/S 29.

Perkara ini sangat jelas apabila Nahidah menjadi mangsa apabila emaknya sendiri tidak menghantarnya ke sekolah. Pengarang memberi satu gambaran untuk menyatakan pada waktu itu, golongan wanita tidak diberikan peluang yang baik untuk mendapatkan pendidikan bagi memberi satu sinaran harapan kepada mereka untuk mengubah hidup mereka. Hal ini selari dengan gerakan feminisme yang mahukan golongan wanita itu mendapatkan pendidikan demi kelangsungan hidup untuk mereka sedari bahawa mereka selayaknya menerima seperti mana golongan lelaki menerimanya.

Selain itu, kita boleh melihat perbezaan kelas sosial melalui bidang pekerjaan. Hal ini kerana pada zaman sebelum kemunculan gerakan feminisme ini, golongan wanita telah diperdagangkan sebagai barang perniagaan untuk kaum-kaum lelaki. Tambahan lagi golongan wanita terpaksa keluar untuk mencari rezeki demi menjaga hal rumah tangga mereka. Dengan melihat novel Salina ini, pengkaji mendapati bahawa beberapa contoh dapat dikeluarkan untuk tatapan semua.

“Namanya Jamilah, tetapi kepada para tamu yang sering ke restoran, dikenal sebagai ‘Madhubala’-nama gelarannya. Madhubala – nama kecantikan (kerana itu jugalah gelarannya, Madhubala- nama seorang bintang filem Hindustan). Selain Madhubala, ada seorang yang cantik iaitu Sabariah, adik kepada Jamilah, yang terkenal pula oleh peminat-peminatnya sebagai ‘Suraiya’ (nama seorang bintang filem Hindustan juga).”

Novel Salina: Bab 15, M/S 203

Mereka bertiga merupakan pelayan disebuah Restoran terkenal di Jalan Sultan. Restoran itu memang menyajikan pelayan-pelayan wanita yang cantik untuk menarik perhatian kaum lelaki untuk datang ke restoran mereka. Tujuan pengupahan golongan wanita ini adalah demi mempromosikan perniagaan mereka demi kepentingan diri sahaja. Di sini kita boleh lihat secara jelas bahawa penulis menyatakan dan menampakkan wanita ini diperdagangkan bertujuan untuk melariskan perniagaan mereka. Hal ini sangat tidak perlu dilakukan demi kepentingan diri sendiri. Penulis juga menonjolkan bahawa golongan wanita ini sangat mudah untuk diperdagangkan demi kelangsungan hidup orang lain terutama golongan lelaki. Oleh itu, jelaslah bahawa penulis menggambarkan kepada semua lapisan masyarakat terutama golongan wanita supaya tidak mudah untuk

terperdaya dengan kata-kata yang baik daripada orang-orang perniagaan dengan penawaran peluang pekerjaan yang lebih bagus demi kelangsungan hidup. Perkara ini telah merosakkan diri mereka sahaja dan mereka tidak dapat untuk membela diri apabila berlaku sesuatu yang tidak di mahukan oleh diri mereka sendiri.

4.3.1.2 Pendekatan Feminisme Sosialogi Pada Situasi Aktiviti Pembacaan.

Pada komposisi lain, penerapan elemen sosialogi dalam karya sastera ini adalah untuk menekankan kepada pembaca atau masyarakat untuk mengkritik segala perbuatan yang salah. Hal ini kerana melalui bidang pembacaan, kita dapat menyelami pemikiran manusia untuk berfikir tentang perkara yang sedang berlaku ataupun yang bakal terjadi pada suatu hari nanti. Pendekatan sosialogi sastera melalui Griswold Mcdonell & wright (2005) telah memberi titik penekanan terhadap pembaca sebagai seorang yang aktif dalam menkritik perkara yang salah. Beliau telah berhasil untuk menyatakan bahawa dalam pembacaan seorang individu ini dapat memberi satu gambaran jelas tentang beberapa fakta atau aktiviti yang bercanggah dalam bidang sosial pada masa itu.

Hasilnya A. Samad Said telah mencipta satu karya yang membincangkan satu permasalahan dalam bidang tugas sosial juga memberi gambaran berat apabila kita lebih melihatkan keterampilan golongan wanita yang bersungguh berkerja berbanding golongan lelaki. Hal ini kerana kita boleh lihat sehingga zaman sekarang golongan wanita juga telah bersungguh berkerja demi menanggung keluarga atas dasar keprihatinan mereka terhadap keluarga mereka. Perkara ini bukan tidak baik bagi semua golongan wanita tetapi sifat keprihatin mereka telah diambil kesempatan

oleh golongan lelaki. Kita boleh apabila wanita keluar bekerja lelaki atau para suami hanyalah duduk dirumah tanpa bekerja.

Perkara ini kita dapat lihat dengan jelas melalui novel Salina yang dikarang oleh A. Samad Said yang menceritakan bahawa zaman selepas perang dunia kedua, golongan wanita telah dibezakan dengan tugas sosial. Perkara ini disahkan lagi apabila golongan wanita dalam novel ini dikerah berkerja demi mencari sesuap nasi manakala golongan lelaki lebih banyak duduk dirumah berbanding pergi bekerja. Antara contoh yang jelas adalah apabila Siti Salina atau dikenali sebagai Kak Ina yang terpaksa pergi berkerja demi menjaga perutnya sendiri dan perut lelaki yang di anggap seperti suaminya iaitu Abdul Fakar.

“Kakak endak ke pergi pasar dan endak berkemas rumah dulu. Abang kau itu tengah tidur lagi. Kalau bangun tengok bilik kotor, dia marah nanti.” Kata Salina kepada Hilmy.

“Abang tak kerja?” kata Hilmy kepada Salina.

“Kerja?” “Kerja tidur.” “Abang Fakar kau bukan tak boleh dapat kerja kalau mau, tapi dia malas. Dia dah lemak tinggal di rumah seperti raja.”

Novel Salina: Bab 3 M/S 43

Perkara diatas jelas menunjukkan sifat Abdul Fakar yang malas bekerja dan hanya mengharapkan Salina seorang yang bekerja untuk mengisi perut mereka berdua. Perkara ini memang tidak sepatutnya berlaku kerana kaum lelaki sepatutnya dan sewajipnya untuk keluar untuk mencari rezeki dan menjaga kebajikan golongan wanita. Hal ini sangat jelas apabila Abdul Fakar itu tidak menjalankan tugasnya

sebagai seorang lelaki. Pengarang telah menonjolkan sebuah sifat yang tidak harus ditelondani oleh semua pihak dengan mengaplikasikan feminisme sosialogi untuk menyatakan ketidakadilan golongan lelaki terhadap golongan wanita. Sebagai pembaca yang tegar, pembaca itu akan sentiasa mengkritik sifat Abdul Fakar yang malas pergi bekerja dan lebih suka menghabiskan duit wanita sahaja. Oleh itu, tidak salahlah jika watak Abdul Fakar ini dibenci dalam kalangan pembaca kerana sifat malasnya itu telah membunuh wataknya itu.

Selain daripada itu, kita juga dapat melihat watak Nahidah sebagai adik kepada Mansur yang melakukan segala kerja rumah berbanding abangnya yang duduk sahaja dirumah tanpa melakukan sebarang bentuk kerja rumah. Pengarang telah mempengaruhi pembaca dengan menceritakan bahawa abang yang tidak bekerja dan malas untuk membantu keluarga serta Nahidah untuk melakukan tugas rumah secara bersama.

*“Ini sehelai lagi baju emak. Dia suruh kau basuh sekali.
Katanya lekas bawa air pulang. Entahlah dia endak cuci
apa.”*

Novel Salina: Bab 2 M/S 29

Perkara diatas merupakan keratan daripada novel Salina yang menceritakan watak seorang abang kepada Nahidah yang menyuruh adiknya untuk mencucikan pakaian emaknya serta memerintah adik membawa pulang air secepat yang mungkin untuk emaknya. Perkara seharusnya tidak berlaku dalam golongan masyarakat kita atau terhadap golongan wanita. Hal ini kerana tindakan sebegini merupakan satu penindasan tugas secara tidak langsung kepada golongan

wanita. Pengarang telah mencungkil minda pembaca untuk memberi satu gambaran bahawa tindakan ini satu tindakan yang tidak bermoral dengan menghuraikan elemen feminisme dalam karya beliau. Oleh itu, tidak dapat disangkal lagi gerakan feminisme ini sangat membantu dalam mengubah persepsi masyarakat terhadap golongan wanita dan telah membantu golongan pembaca untuk mengembangkan pemikiran mereka supaya boleh membantu generasi muda supaya tidak menindas golongan wanita serta memberikan ruang dan peluang yang sama kepada mereka semua.

4.3.1.3 Pendekatan Feminisme Sosialogi berdasar Situasi dan Keadaan Pengarang

Pada sebuah penelitian yang dilaksanakan oleh Franzoi, Kessenich & Sugrue (1989) telah menjumpai satu perbezaan antara persepsi dan maklum balas tentang jantina berkenaan dengan menumpukan pada bahagian tertentu tubuh mereka. Hal ini kerana lelaki telah menonjolkan tubuh badan yang sasa bagi memikat wanita manakala wanita pula menonjolkan beberapa bahagian tubuh mereka untuk tujuan yang sama. Hal ini akan menimbulkan satu kesedaran yang mana boleh mempengaruhi bagaimana seseorang itu terhadap persepsi dan respon mereka apabila membaca sebuah karya yang dicetuskan oleh pengarang. Perkara ini membawa makna kepada anggapan terhadap perbezaan golongan lelaki dan perempuan yang cuba dicetuskan oleh pengarang terhadap pembaca.

Pada peringkat ini, pengkaji dapat mengenalpasti bahawa pengarang telah bersandar kepada situasi semasa keadaan sekeliling yang berlaku terhadap dirinya.

Hal ini kerana pengkaji banyak menekankan beberapa perkara yang berkaitan wanita. Selain itu, pengarang juga telah menceritakan beberapa peristiwa untuk membangkitkan lagi cerita itu. Pengarang telah menegaskan dalam karyanya yang menunjukkan wanita ini sering dijadikan sebagai lubuk untuk mencari wang. Pengarang telah bermain dengan pelbagai persoalan yang berada dalam kepalanya bahawa adakah golongan wanita juga menindas kaumnya sendiri. Hal ini terbukti apabila wujudnya sebilangan kecil golongan wanita memperdagangkan kaumnya sendiri demi kesenangan diri sendiri. Sebagai contoh yang jelas adalah hasil daripada pengarang A. Samad Said yang menceritakan watak Zarina yang sanggup menyuruh anaknya untuk menjadi pelayan.

Dia sudah tua sebenarnya. Disedarinya itu. Tetapi sengaja dia bersolek juga. Dan dilihatnya wajahnya di cermin itu lama-lama, maka dipercayainya bahawa dia sudah tidak dapat menarik perhatian lelaki lagi kecuali kalau dia sendiri menonjol-nonjolkan dirinya kepada lelaki, lelaki buaya. Wajah Nahidah terbayang lagi di kepalanya. Nahidah cantik kalau bersolek. Dan pertanyaannya berulang. "Bagaimana kalau Nahidah aku suruh jadi pelayan?"

Novel Salina Bab 14 M/S 186

Berdasarkan petikan di atas, kita boleh lihat bahawa golongan wanita ini bukan sahaja ditindas oleh golongan lelaki tetapi golongan wanita juga menindas kaum mereka sendiri. Hal ini kerana watak Zarina sebagai ibu kepada Nahidah yang sanggup mengerah anaknya untuk menjadi pelayan di sebuah kelab malam demi mengaut keuntungan atas kepentingan diri sendiri. Perkara sebegini tidak sepatutnya berlaku kerana ia akan merosakkan kaum sendiri serta boleh menyebabkan pelbagai agenda buruk boleh berlaku. Lantas pada cerita di atas pengarang telah melihat

kepada situasi atau keadaan sekelilingnya dan menceritakan segala perkara dalam novel tersebut. Pengarang telah mengutarakan segala peristiwa yang berlaku pada dirinya untuk dijadikan panduan kepada masyarakat zaman sekarang. Oleh itu, kita boleh melihat dengan wujudnya novel-novel yang ditulis ini, maka ideologi feminisme ini dapat diperluaskan ke seluruh lapisan masyarakat bahawa penindasan terhadap bidang sosialis ini tidak sepatutnya berlaku.

4.3.2 Feminisme Radikal.

Feminisme radikal ini merupakan salah satu gerakan atau fahaman yang membawa kepada satu persamaan hak yang sama rata antara lelaki dan perempuan. Feminisme radikal ini merupakan falsafah yang menekankan akar keadilan patriarki antara wanita dan lelaki atau secara khususnya kepada dominasi sosial wanita oleh golongan lelaki. Feminisme radikal ini menekankan kepada pemecahan belah keistimewaan, hak, dan kekuasaan masyarakat mengikut kepada masalah yang timbul seperti permasalahan hubungan seks, dan lain-lain, atau hak keistimewaan lelaki dan menindas wanita.

Feminisme radikal telah berasaskan kepada satu ideologi kontemporari radikal yang lebih meluas. Golongan perempuan yang terlibat dalam Kiri Baru pada tahun 1960-an dan hak keistimewaan lelaki mendapati diri mereka telah diketepikan daripada sebarang tindakan yang sama oleh lelaki dalam gerakan tersebut. Sebilangan besar wanita ini berpecah menjadi kumpulan feminis, sementara masih mengekalkan banyak cita-cita dan kaedah radikal politik asalnya. "Feminisme radikal" menjadi istilah yang digunakan untuk kelebihan feminisme yang lebih radikal.

Feminisme radikal dikreditkan dengan penggunaan kumpulan peningkatan kesedaran untuk meningkatkan kesedaran mengenai penindasan wanita. Kemudian feminisme radikal kadang-kadang memberi tumpuan kepada seksualiti, termasuk beberapa yang beralih ke lesbianisme politik radikal.

4.3.2.1 Pendekatan Feminisme Radikal melalui Aktiviti Pembacaan.

Menurut kajian atau analisis data di atas, beberapa penekanan terhadap perkara-perkara tertentu boleh kita lihat terhadap golongan wanita berlandaskan kepada feminisme radikal ini. Hal ini kerana fahaman radikal ini adalah bertujuan menuntut hak asasi atau kebebasan kepada diri mereka untuk menjalankan aktiviti kehidupan terutama bidang seksual mereka. Secara amnya, kita boleh melihat bahawa penulis telah bermain dengan emosi pembaca bagi memperlihatkan golongan wanita ini tidak diberikan satu hak keistimewaan untuk mereka bergerak secara bebas dalam menentukan nasib hidup mereka. Perkara ini disebabkan oleh kuasa yang pada golongan lelaki membuat mereka sukar untuk mencipta satu keputusan dalam hidup mereka. Secara tidak langsung golongan wanita ini melakukan satu pemberontakan untuk memastikan bahawa mereka mampu untuk melakukan sebarang keputusan demi kehidupan mereka. Feminisme radikal ini telah banyak membantu golongan wanita diluar sana untuk menentukan keperluan mereka untuk membuat sesuatu aktiviti dan keputusan tanpa dikerah oleh golongan lelaki.

Mengikut kepada tinjauan dalam novel Salina ini, kita boleh melihat bahawa hasil daripada pembacaan kita ini telah boleh dijadikan sebagai rujukkan untuk memastikan bahawa kewujudan feminisme radikal adalah benar dan tepat dalam

menuntut hak mereka demi menjaga kesucian diri mereka. Hal ini telah dibincangkan pada isu dan taktik utama di mana dalam konteks itu mereka memberi penekanan terhadap aspek memahami rogol sebagai ungkapan kekuatan patriarki, bukan mencari seks. Perkara ini adalah melihat kepada perbuatan lelaki yang sesuka hati untuk mengambil mana-mana perempuan sebagai tempat melepaskan nafsu tanpa ada ikatan yang sah. Sekiranya Wanita itu tidak berkehendak secara sukarela, tindakan itu boleh disabit atas tuduhan merogol dan bukan atas dasar suka sama suka untuk melakukan hubungan intim. Hal ini kita dapat lihat dalam novel Salina dimana Zarina telah dirapati oleh Abdul Fakar untuk melakukan hubungan seks tanpa wujud sebarang ikatan yang sah. Sebagai contohnya adalah:

Mereka masuk lorong kecil mengarah ke Kampung Kambing. Zarina masih rapat kepada Abdul Fakar. Rapatnya itu bererti benar, dan Abdul Fakar tahu. Dia menjadi begitu “kedahagaan” dan apabila tiba di pokok-pokok pisang yang banyak semak-semak di belakangnya, dengan tidak berkata apa-apa terlebih dahulu, dia pun menarik Zarina lebih rapat kepadanya. Zarina yang sudah sememangnya menantikan saat itu mengikut sahaja, dengan tidak melawan sedikit pun.

Novel Salina: Bab 20 M/S 278

Petikan di atas merupakan potongan jalan cerita daripada novel Salina. Kita boleh lihat bahawa perbuatan yang dilakukan oleh Abdul Fakar itu merupakan satu perbuatan yang terkutuk kerana mengambil kesempatan ke atas wanita. Sebagai seorang lelaki yang budiman, Abdul Fakar tidak sepatutnya mengambil kesempatan terhadap Zarina. Perkara ini akan membuat golongan wanita merasa diri hanya untuk perkara-perkara yang negatif tanpa wujud sebarang alasan yang

kukuh. Tambahan lagi, perkara yang dilakukan oleh Abdul Fakar ini akan mendatangkan perkara-perkara yang tidak dimahukan oleh semua orang. Kemunculan feminisme radikal ini sangat membantu golongan wanita dalam menuntut hak mereka terutama bidang seksual ini. Hal ini kerana mereka dapat menyelamatkan maruah mereka daripada dijaja oleh golongan lelaki ini. Oleh itu, feminisme radikal ini telah mendapat tempat di dalam kalangan Wanita untuk memberi satu petunjuk kepada mereka dalam membela diri. Melalui aktiviti pembacaan ini juga telah membantu kepada semua lapisan masyarakat kita semua bahawa bagaimana zaman dahulu kala wujudnya penindasan terhadap golongan wanita yang dijadikan sebagai alat pemuas nafsu semata-mata tanpa wujud belas ihsan daripada golongan lelaki.

4.3.2.2 Pendekatan Feminisme Radikal berdasar Situasi dan Keadaan Pengarang

Selain itu, kita boleh melihat bidang kepengarangan juga mampu untuk mengetengahkan ideologi feminisme. Hal ini kerana penulis telah melihat keadaan sekelilingnya yang penuh dengan aktiviti tidak bermoral. Hasil daripada keadaan atau situasi itu telah membawa kepada penghasilan sebuah karya untuk memberi mesej kepada masyarakat akan datang supaya tidak melakukan aktiviti sebegini rupa. Pengarang telah mengaplikasikan elemen-elemen Feminisme sebagai wadah untuk beliau menyatakan hasratnya supaya masa akan datang tidak wujud lagi perkara sebegini. Feminisme radikal merupakan salah satu ideologi yang tepat dalam membawa mesej kepada semua masyarakat.

Pada ideologi feminisme radikal ini telah membincangkan bahawa memahami pelacuran di bawah patriarki sebagai satu penindasan terhadap wanita, secara seksual dan ekonomi. Hal ini kerana bidang pelacuran ini sememangnya satu bidang yang sangat kejam ke atas wanita. Hal ini disebabkan oleh keuntungan yang besar dalam bidang ini membuatkan golongan wanita menjadi mangsa sebagai aset untuk meraihkan keuntungan yang lebih banyak. Secara seksualnya itu, mereka terancam diakibatkan oleh sikap golongan lelaki yang menjual maruah mereka. Secara spesifiknya, melalui hubungan intim ini alat kelamin wanita akan menerima kesan yang negatif seperti sakit yang membawa kepada kehancuran hidup mereka. Antara penyakit kelamin yang boleh dijangkiti adalah Chlamydia, Gonorea, dan HIV. Oleh itu, feminisme radikal sangat mengecam aktiviti pelacuran ini kerana mereka sangat menuntut hak keperibadian wanita bagi menjaga kesucian seksual mereka serta tidak mahu dijadikan mangsa eksploitasi permerdagangan manusia.

“Suriaya ada di sana tu,” kata Madhubala, menunjukkan ke arah salah sebuah bilik bersekat tidak berapa jauh daripada mereka. Bilik kecil yang ditunjuk oleh Madhubala itu bertabir! “Dengan siapa?” tanya Abdul Fakar, seolah-olah berasa begitu kurang senang melihatkan Suriaya di dalam bilik bersekat itu bersama orang lain. “Macam selalulah, dengan orang” jawab Madhubala.

Novel Salina Bab 15 M/S 205

Petikan di atas merupakan keratan novel Salina yang dijadikan sebagai bahan rujukkan. Kita boleh melihat daripada keratan novel di atas menunjukkan kedudukan wanita sebagai pelayan di sebuah kelab terkenal di kawasan berkenaan. Golongan wanita dijanjikan gaji yang lumayan dan komisen yang tinggi jika menurut segala perintah yang diberikan. Sebagai contoh, watak Suriaya yang dijadikan sebagai pelayan tetamu lelaki dan menurut segala kemahuan lelaki

termasuk melakukan hubungan seks bebas. Hal ini jelas menunjukkan kepada kita semua bahawa wanita sering digunakan sebagai alat pemerdagangan dan tempat untuk melepaskan hajat yang tidak bermoral ini. Dengan itu, kedatangan feminisme radikal ini telah banyak membantu golongan wanita zaman sekarang dengan membawa beberapa ideologi demi menyelamatkan mereka semua daripada terjerumus ke lembah kegelapan. Hasil daripada karangan daripada penulis ini telah membuka mata masyarakat dan mesej yang hendak disampaikan telah mencapai satu kejayaan yang besar untuk mereka semua.

4.4 Penutup

Secara keseluruhannya, keberkesanan ideologi feminisme ini telah memberikan kesan yang mendalam kepada semua lapisan masyarakat dengan membantu mensejahterakan keadaan tanpa wujud aktiviti sosial yang haram. Pentadbiran terhadap golongan wanita juga semakin hamper dengan kemajuan apabila waniat juga telah diberikan sedikit kuasa untuk mereka mengambil langkah untuk mengorakkan kehidupan mereka sendiri. Hasilnya, wanita tidak lagi dijadikan sebagai hamba dalam bidang ekonomi atau bidang sosial yang haram.

BAB 5

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menceritakan tentang hasil analisis dan juga dapatan pengkaji yang telah dilaksanakan olehnya. Perkara ini disebabkan kerana pengkaji telah melaksanakan kajian secara terperinci mengenai tajuk kajian pengkaji iaitu Elemen-elemen Feminisme dalam karya novel *Salina*. Hal ini kerana pengkaji telah mengupaskan beberapa isi penting yang berkait dengan tajuk kajian pengkaji. Feminisme dalam teori ini merupakan satu projek yang mempengaruhi perubahan sosial yang terhadap wanita sebagai rangkaian untuk penerapan perkara-perkara yang baik. Teori ini telah berfokuskan kepada kehidupan sosial wanita untuk mereka mengamati satu suasana yang baik sebagai satu pelindung kepada mereka. Gerakkan yang mengkritik tulisan lelaki terhadap wanita ini satu idea yang bagus demi memberi kesedaran bahawasanya wanita itu berhak untuk diberikan pelindung secara fizikal mahupun mental.

5.2 Rumusan

Secara amnya, feminisme ini merupakan sebuah gerakan yang bagus. Hal ini kerana pejuang-pejuang feminisme ini sangat menitikberatkan masalah yang dihadapi oleh golongan wanita. Perkara ini kerana pejuang-pejuang feminisme telah mengetengahkan ideologi atau fahaman yang cuba membendung golongan wanita daripada terus ditindas.

Kehadiran feminisme ini telah banyak mengubah perkara yang salah kepada perkara yang betul. Melalui elemen-elemen yang telah disenaraikan itu, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa setiap elemen yang diwujudkan itu membawa satu pembaharuan dan perjuangan terhadap golongan wanita. Hal ini kerana pengkaji mendapati bahawa elemen-elemen yang dikupas oleh pengkaji ini selari dengan keadaan semasa pada masa itu. Oleh itu, tidak pelik jika ramai penulis-penulis cuba untuk menonjolkan diri mereka dalam mengutarakan pendapat mereka mengenai masalah yang sedang dihadapi oleh golongan wanita. Perubahan bentuk sosial telah membuktikan bahawa gerakan feminisme ini melalui beberapa elemen-elemen ini telah membuahkan hasil.

Selain itu, kajian ini juga telah mengaplikasikan kritikan sastera dalam kajian ini. Hal ini kerana pengkaji telah menganalisis dengan mendapati pembaca telah tertarik dengan penulisan feminisme ini bertujuan untuk mengambil maklumat yang cuba disampaikan oleh penulis terhadap wanita. Perkara ini terbukti apabila kurangnya permasalahan sosial yang melibatkan wanita pada zaman sekarang. Hal ini telah membawa kepada satu kejayaan yang besar kepada pelopor atau pengiat bidang feminisme ini. Pengambilan novel *Salina* sebagai contoh sangat bertepatan dengan teori feminisem kerana segala isu yang dibangkitkan oleh feminisme berada dalam novel ini.

5.3 Cadangan

Pada bahagian ini, terdapat beberapa cadangan daripada pengkaji. Cadangan ini semua telah berlandaskan daripada dapatan kajian pengkaji untuk kajian lain akan datang. Oleh itu, pengkaji telah mengusulkan beberapa buah pandangan dan pemikiran untuk

mempengaruhi khalayak masyarakat. Berikut merupakan beberapa cadangan daripada pengkaji:

5.3.1 Menerbitkan banyak buku-buku berasaskan kritikan Feminisme.

Pengkaji bercadang untuk pihak penerbitan atau penulis-penulis buku perlu memperbanyakkan lagi buku-buku berasaskan kepada kritikan feminisme untuk khalayak ramai. Hal ini kerana pengkaji mendapati kekurangan buku-buku kritikan feminisme ini akan menyukarkan pengkaji-pengkaji diluar sana untuk mendapatkan sumber-sumber yang sahih untuk melakukan pembacaan dan kajian. Berikutan ini kerana pengkaji telah mengalami kesukaran untuk melakukan kajian. Pengkaji terbatas dari segi bahan kajian yang melibatkan beberapa elemen yang diperlukan kajian ini. Oleh itu, pengkaji berharap pihak berwajib atau bertanggungjawab dapat menyediakan naskah-naskah yang boleh membantu masyarakat diluar sana untuk mengenali feminisme.

Selain itu, tujuan pengkaji memberi cadangan untuk memperbanyakkan buku-buku feminisme adalah untuk memastikan bahawa ideologi mereka itu dapat disebarkan dengan lebih banyak pada masa sekarang ini. Hal ini kerana pada zaman globalisasi ini pengkaji merasakan golongan masyarakat terutama golongan wanita kurang menitikberatkan hal diri mereka. Perkara ini disebabkan oleh cara hidup yang terlalu sosial ini menyebabkan mereka alpa mengenai penjagaan hak diri mereka. Pengkaji yakin kewujudan buku-buku feminisme ini, dapat menarik minat masyarakat semula untuk mempertahankan ideologi feminisme ini.

5.3.2 Membina filem-filem berasaskan feminisme.

Pengkaji telah mencadangkan bahawa dengan membina filem-filem yang berasaskan feminisme ini sangat penting. Pada zaman sekarang ini masyarakat mudah terpengaruh dengan filem-filem yang membawa satu imej baharu. Hal ini kerana filem-filem yang menarik ini mampu untuk mempengaruhi minda dan pemikiran para penonton. Penyebaran ideologi feminisme ini melalui bidang perfileman, secara tidak langsung pendidikan mengenai feminisme ini dapat dipupuk sejak kecil lagi. Perkara ini sangat penting demi menjaga hak kesucian wanita.

5.3.3 Memberikan penekanan awal kepada kanak-kanak tentang feminisme.

Pendidikan awal kepada kanak-kanak sangat penting. Pada peringkat kanak-kanak ini mereka sangat mudah untuk memahami dan mengingati sebarang bentuk pelajaran atau perkara yang dipelajarinya. Hal ini membuatkan mereka mudah untuk mempraktikkan segala yang dipelajari dalam hidup mereka. Pendidikan awal feminisme terhadap kanak-kanak ini sangat penting bagi mereka mewarisi atau mengetahui perkara yang baik atau perkara yang buruk. Tambahan lagi, pengkaji sangat yakin bahawa dengan memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak mengenai feminisme ini, dapat membantu masyarakat lain terutama wanita dalam menjaga kesucian diri mereka. Selain itu, pengkaji berpendapat bahawa mereka seharusnya mempelajari ilmu feminisme adalah untuk memastikan keamanan negara dapat diteruskan oleh mereka semua. Hal ini berlanjutan daripada Pendidikan feminisme ini mampu untuk mereka semua

memahami mengapa kewujudan feminisme dan mengapa juga harus diteruskan feminisme ini.

5.4 Penutup

Secara kesimpulannya, pada kajian kali ini pengkaji telah mengkaji “ELEMEN-ELEMEN FEMINISME DALAM KARYA NOVEL *SALINA*” dapat memberi satu titik tolak kepada masyarakat untuk lebih memahami tentang feminisme. Hal ini kerana feminisme disisi pandangan pengkaji adalah satu ideologi serta gerakan mengenai wanita. Perjuangan mereka semua adalah berlandaskan kepada wanita sahaja. Kewujudan kajian ini, sedikit sebanyak mampu untuk memberikan pendedahan awal dan pencerahan kepada masyarakat semua untuk meneruskan segala perjuangan yang dilaksanakan oleh tokoh-tokoh feminisme terdahulu. Penulisan feminisme juga seharusnya diangkat kerana mereka sanggup berhabiskan masa untuk menulis dan berkarya dalam mengkritik feminisme. Kewujudan penulis-penulis ini secara langsung dapat memberikan satu perkembangan baik kerana feminisme ini sering mendapat tempat di dalam kalangan masyarakat untuk terus mempelajari ilmu-ilmu feminisme bagi memperluaskan gerakan ini. Pengkaji telah memberi beberapa cadangan dan harapan bahawa feminisme ini sangat diperlukan untuk masa akan datang kerana pengkaji berharap masyarakat dapat meneruskan legasi ini untuk masa akan datang.

BIBLIOGRAFI

- Amin Jamaluddin. (2012). *Sastera dan Pasaran*. Kuala Lumpur: Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asian Tenggara VIII.
- Abdul Karim. (2014). *Feminisme: Sebuah Model Penelitian Kualitatif*. Volume 10, Nombor 1, Oktober 2014.
- Andik Wahyun Muqoyyidin. (2013). Wacana Kesetaraan Gender: Pemikiran Islam Kontemporer Tentang Gerakan Feminisme Islam. *Jurnal Al-Ulum* Volume. 13 Nombor 2, Desember 2013 Hal 491 – 512.
- A. Samad, S. (1991). *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayu Hidayanti Ali. (2020). Citra Wanita Dalam Novel Si Parasit Lajang Karya Ayu Utami. *Jambura Journal of Linguistics and Literature* Vol. 1, No. 1, Hal. 14 – 22, Juni 2020.
- Azizah Hamzah. (2010). *Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Citra Wanita Penyihir Dalam Novel Ratna Tribanowati Karya I Made Sugianto: Suatu Kajian Kritik Sastra Feminis. *Jurnal Humanis, Fakultas Ilmu Budaya Unud* Vol 16.1 Juli 2016: 196 –203.
- Endang Ratih E.W., Malarsih, Wahyu Lestari. (2005). Citra Wanita Dalam Pertunjukan Kesenian Tayub (The Woman Image In The Tayub Art Performance). *Harmonia: Jurnal Pengetahuan Dan Pemikiran Seni* Vol. Vi No. 2/Mei-Agustus 2005.
- Hasindah Mawarni. (2019). *Citra Wanita Tokoh Utama Dalam Novel Cerita Tentang Rani Karya Herry Santoso Kajian Kritik Sastra Feminis*. Tesis Sarjana Muda, Universitas Negeri Semarang.
- Hamzah, H. (1988). *Konsep dan pendekatan sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Lina Amalina. (2012). *Citra Wanita Dalam Novel Surat Buat Themis Karya Mira W: Tinjauan Sastra Feminis*. Tesis Sarjana Muda, Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Maryam Habibah Kamis Indriaty Ismail (2015). *Tema-tema Feminisme dalam Novel-novel Nawal El Saadawi*. *ISLAMIYYAT* 37(2) 2015: 107 – 112.
- Mentari Asih Lina Ayu Safitri (2017), dalam artikel bertajuk *Kajian Feminisme Terhadap Novel Perawan Remaja Dalam Cengkeraman Militer Karya Pramoedya Ananta Toer*. *Jurnal Pendidikan Dan Pembelajaran Khatulistiwa* vol 6, No 10 (2017).
- Noor Aida Mahmor & Nasihah Hashim. (2015). *Citra Wanita Melayu Dalam Cerita Animasi Kanak-Kanak Upin Dan Ipin*. *Roceeding - Kuala Lumpur International Communication, Education, Language and Social Sciences 1 (KLiCELS 2)*, 17 – 18 October, 2015.
- Noor Salawati Abu Bakar, Zubir Idris & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2021). *Perspektif Sosio Ekonomi Masyarakat Dalam Novel-Novel Terpilih Karya Azizi Abdullah*. *Jurnal Melayu Bil. 20 (1) 2021*.
- Showalter, E. (1986). *The new feminist criticism: Essays on women, literature and theory*. London: Virago.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2015). *Unsur Feminisme dalam Pantun Melayu*. *Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2012). *Apabila Teori Feminis Ternyata Tidak Diperlukan: Satu Kajian Kes*. *Journal of Language Studies Volume 12(4)*, November 2012.

RUJUKAN INTERNET

- Azhar Hj.Wahid & Abdul Ghani Hj. Abu. (2015). *Membina Kritikan Sastera Melayu Dalam Jalur Pascamodenisme*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu. Diakses pada 20 Ogos 2021 di laman web <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/70>